

Jilid I
Bil. 13



Hari Khamis
23hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1669]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 1706]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) [Ruangan 1707]

Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan)
[Ruangan 1747]

Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan)
[Ruangan 1751]

Rang Undang-undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) [Ruangan 1789]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawj).

.. Menteri Pertahanan, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BI HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN BASRI BIN BAJURI (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY (Padang Serai).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI *alias* CHIAH SOO HA (Bukit Mertajam).
,, TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
,, TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
,, DR V. DAVID (Puchung).
,, TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS (Betong).
,, DR ENG SENG CHAI *alias* NG SING SAI (Petaling Jaya).
,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
,, TUAN GERARD MATH LEE MIN (Gaya).
,, TUAN GHAZALI BIN AHMAD (Jerai).
,, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
,, TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN (Tanah Merah).
,, TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB (Sabak Bernam).
,, TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
,, TUAN HU SEPANG (Rasah).
,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
,, TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
,, TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
,, TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
,, TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
,, DATO' KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Tanjung Karang).
,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
,, TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
,, TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
,, TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG (Pontian).
,, TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
,, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
,, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
,, DR LIM ANN KOON (Ampang Jaya).
,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
,, PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).

- Yang Berhormat TUAN LOKE YUEN YOW (Tanjong Malim).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL BIN PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. TUAN MOHAMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF (Balik Pulau).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALI BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

- Yang Berhormat DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M.G. PANDITHAN (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titawangsa).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 23hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JALAN KONKRIT/JALAN
PREMIX**

1. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah kos sebenar bagi satu (1) kilometer jalan konkrit yang telah dicuba dan adakah ianya lebih baik dan tahan dari jalan "premix". Nyatakan juga adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan pembinaan jalan-jalan konkrit ini terutama di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, kos pembinaan bagi 1 km jalan simen yang telah dicuba setebal 6 inci dan lebarnya 4 kaki ialah lebihkurang \$39,400. Kementerian telah pun mengarahkan supaya jalan-jalan kampung dinaikkan tarafnya dengan kaedah jalan simen di mana didapati sesuai. Ini ialah kerana memandangkan kos pembinaannya adalah lebih sedikit sahaja berbanding dengan kos pembinaan jalan "premix" sedangkan ketahanannya adalah lebih baik dari jalan "premix". Oleh kerana

jalan simen tahan lebih lama maka kos penyelenggaraannya dijangka lebih murah.

**PASARAN TIMAH KUALA
LUMPUR**

2. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan usaha-usaha yang dibuat oleh Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) supaya ianya menjadi pusat dagangan timah terkemuka di dunia ini, memandangkan Malaysia ialah pengeluar timah yang terbesar dan juga Pasaran Timah Kuala Lumpur ialah pasaran rasmi di dunia ini bagi menarik timah-timah yang didagangkan di pasaran-pasaran tidak rasmi (informal markets) di Singapura dan Eropah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kerajaan semasa melancarkan Pasaran Timah Kuala Lumpur (KLTM) untuk menjadikan satu pasaran timah yang bertaraf antarabangsa. Pada permulaan pembukaan KLTM, perdagangan timah telah hanya dihadkan pada timah yang berasal dari Malaysia sahaja. Untuk memenuhi keperluan Pasaran Timah Antarabangsa, persetujuan telah dicapai supaya KLTM memperluaskan bidang perniagaannya bagi meliputi timah yang berasal selain daripada Malaysia. Dengan tujuan ini KLTM dijangka akan membuka perniagaannya kepada timah daripada Indonesia, Thailand dan Australia pada bulan November tahun ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkaitan dengan usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Dagangan Timah, saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri berkenaan adakah langkah-langkah telah diambil untuk menyiasat dan menyelidik bahan-bahan yang menjadi persaingan kepada timah. Sekiranya sudah, apakah pula langkah-langkah diambil daripada segi penyiasatan untuk menjadikan timah dari segi kegunaannya lebih luas daripada yang sedia ada.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memanglah apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah pun diambil tindakan dan saya berasa soalan No. 6 akan menjawab dengan sepenuhnya soal yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat.

JAWATANKUASA PENYELARASAN PELABURAN

3. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementeriaannya telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang berkuasa yang menggunakan wang daripada KWSP, SOCSO, Sports Toto dan Bank Simpanan Nasional untuk membeli saham-saham; jika ya, beri butir-butir lanjut mengenai wang-wang tersebut, operasi tersebut, ahli-ahli yang menguruskannya dan apakah saham-saham yang dibeli setakat ini serta nilai dan amaunnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kewangan telah mengambil langkah untuk mengadakan satu Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan ketika pasaran saham mengalami

kemerosotan yang berpanjangan dengan tujuan menyelaraskan pelaburan beberapa agensi Kerajaan.

Sementara itu Kerajaan juga mengambil kesempatan untuk mengurangkan cross-trading yang terdapat di antara satu agensi dengan agensi yang lain di pasaran saham. Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan seperti dimaksudkan boleh dianggap sebagai agensi penyelarasan di mana kewujudan dan fungsinya telah dirumuskan dan dipersetujui bersama oleh Perbendaharaan dan agensi-agensi yang menyertai operasi ini. Di atas dasar ini, keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa tersebut dalam mengendalikan pelaburan bolehlah dianggap sebagai keputusan tiap-tiap agensi yang menyertai operasi ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sumbangan penyertaan pelaburan oleh agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

Kumpulanwang Pekerja (KWSP)	Simpanan	\$30.0 juta.
Pertubuhan Sosial (SOCSO)	Keselamatan	\$12.0 juta.
Bank Simpanan Nasional		\$ 9.0 juta.
Syarikat Sports Toto Sdn. Bhd.		\$ 1.5 juta.
	Jumlah ..	<u>\$52.5 juta</u>

Adalah dimaklumkan bahawa Bank Bumiputra dan Aseam Bankers (M) Bhd. telah dilantik untuk menguruskan pelaburan bagi pihak agensi-agensi yang disebutkan di atas tadi. Dari jumlah di atas \$12 juta telah disalurkan kepada Aseam Bankers (M) Bhd. dan bakinya disalurkan kepada Bank Bumiputra.

Sehingga 31hb Disember, 1986 lebih kurang \$35 juta telah dilaburkan di dalam saham syarikat-syarikat awam melalui Bank Bumiputra. Oleh kerana operasi pelaburan yang diselaraskan oleh Jawatankuasa telah dikendalikan

melalui bank saudagar. Maka dengan itu aktiviti pengurusan potfolio dilaksanakan oleh bank tersebut. Pengurusan pelaburan harian oleh Pengurus Potfolio dilaporkan kepada Jawatankuasa tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan dianggotai oleh tiga ahli sahaja iaitu:

1. Y.B. Tan Sri Thong Yaw Hong.
2. Y.B. Tan Sri Basir Ismail.
3. Y.B. Dr Chan Chin Cheung.

Walau bagaimanapun urusan dalam saham dihentikan pada bulan Disember, 1985 setelah berlakunya krisis Pan-El yang dibangkitkan oleh kejatuhan harga di pasaran saham.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tiap-tiap agensi yang menyertai operasi ini, adalah tertakluk kepada perundangan masing-masing. Ingin dimaklumkan bahawa pelaburan yang dijalankan adalah selaras dengan perundangan tersebut dan oleh demikian, pelaburan telah ditumpukan kepada pembelian saham-saham amanah. Pelaburan juga diperluaskan kepada pembelian saham-saham bukan amanah bagi tujuan urusan khususnya untuk mengambil peluang keuntungan dari urusan tersebut.

Saya berpendapat jawapan mengenai soalan saham-saham yang dibeli oleh Pengurus Potfolio tidak wajar diumumkan disebabkan saham-saham itu telah pun dipulangkan kepada agensi-agensi berkenaan. Sekiranya saham-saham ini diumumkan mungkin ini akan menjejaskan strategi pelaburan agensi berkenaan dan menimbulkan spekulasi di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat benar-benar—saya tegaskan benar-benar—ingin

mengetahui butir-butir lanjut, beliau bolehlah berjumpa dengan saya secara persendirian.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan berhasrat untuk membubarkan ICC ini semacam Kerajaan sudah memutuskan untuk membubarkan MAKUWASA oleh kerana kegunaan wang KWSP untuk membeli saham dan penjualan saham sebenarnya yang tidak berpatutan dan juga tidak sah. Bukankah benar bahawa dalam wang tabung ini untuk ICC, wang terbanyak digunakan untuk membeli saham Releigh-Releigh yang ada bersangkutan-paut dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Ketiga, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini apa kerugian yang dihadapi di saat ini khasnya oleh KWSP dan SOCSO akibat daripada penyata dalam skim ICC ini dan bukannya benar bahawa persetujuan untuk melantik Aseam Merchant Bankers dan untuk menjadi potfolio manager, persetujuan itu atau perjanjian itu sebenarnya ditandatangani back-dated, dengan izin. Kenapakah perkara ini berlaku, kenapakah perlu back-date satu agreement supaya mengesahkan, dengan izin, dealing-dealing dalam saham ini? (*Tepuk*).

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, urusan ini telah dihentikan dalam bulan Disember. Jadi, soalan pembubaran ataupun perkataan-perkataan yang bermaksud sama tidak timbul lagi. Mengenai soal pembelian mana-mana satu saham tertentu, termasuk Releigh, inginalah saya memaklumkan bahawa dari segi pembelian ini bukanlah Releigh sahaja satu saham yang dibeli, malah banyak lagi saham-saham lain juga yang dibeli mengikut apa yang difikirkan sesuai oleh mereka yang mentadbirkan pada waktu itu. Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, dari segi kerugian, saya telah pernah menyebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerugian ini sebenarnya hanyalah kerugian dari segi nilai sahaja, sebab kerugian sebenarnya tidak akan dikira selagi saham-saham ini tidak dijual. Kalau misalnya, katakanlah hari esok dengan takdir Allah s.w.t. saham-saham ini naik, sudah tentulah dari segi nilainya akan bertambah. Walau bagaimanapun, seperti saya katakan tadi, dari segi kerugian kertas (paper loss) bagi KWSP ialah sebanyak hampir \$8.7 juta dan keuntungan yang diperolehi sebelum itu hampir setengah juta ringgit—itu bagi KWSP.

Bagi PERKESO, kerugian paper loss, dengan izin, ialah sebanyak hampir \$3.4 juta dan keuntungan yang dibuat sebelum itu ialah hampir \$175 juta.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, kita mengalami kerugian dari segi nilai kertas. Soalannya, apakah keyakinan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan bahawa wang dilaburkan oleh Jawatankuasa Penyelarasan Pelaburan yang dibuat sebanyak \$35 juta itu akan selamat kemudian hari?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin wang ini akan terselamat. Soalannya sama ada kita dapat semula esok, bulan depan atau tahun depan, itu tergantung kepada keadaan ekonomi dan keadaan harga saham-saham yang telah kita laburkan. Dalam pada itu, dari segi keyakinan, memang kita amat yakin sekali yakni ekonomi dalam tidak berapa lama lagi akan meningkat semula, khususnya kalau pihak-pihak tertentu berhenti menyebarkan khabar-khabar angin (*Tepuk*).

KONTRAKTOR BUMIPUTRA— NILAI KONTRAK

4. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kerjaraya menyatakan harga kontrak yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera Kelas A dan kontrak-kontrak tersebut tidak di kontrakkecilkan (sub-contract) kepada pihak ketiga hingga akhir tahun 1985.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan dan nilai kontrak Persekutuan yang telah diperolehi oleh kontraktor-kontraktor Bumiputera Kelas A sepanjang tahun 1985 iaitu dari bulan Januari hingga bulan Disember 1985 adalah berjumlah 54 kontrak yang bernilai \$155.2 juta.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada Kementerian telah pun menubuhkan satu tabung khas untuk membantu kontraktor-kontraktor bumiputera untuk mendapatkan wang pembayaran balik daripada Kerajaan, dan jika sekiranya tabung ini telah ditubuhkan, sejauh manakah kejayaan tabung ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut cadangan Kementerian saya, kita telah mendapat \$5 juta sahaja untuk menubuhkan tabung. Tetapi \$5 juta ini tidak mencukupi untuk membantu beberapa ratusnya kontraktor yang sedia ada di dalam tanahair kita. Sebab itu saya telah bincang dengan Kementerian dan juga dengan Jabatan Kerjaraya untuk mencari jalan lain yang mana kita boleh juga menubuhkan Jawatankuasa untuk membantu kontraktor-kontraktor bumiputera.

Pada masa sekarang, pada kepercayaan saya, kita tidak mengalami beberapa banyak masalah seperti apa yang mereka mengalami pada masa dahulu, sebab Menteri sendiri menjaga mereka.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, soalan saya iaitu yang soalan tadi tidak dijawab tentang kontrak kecil—itu pertama. Yang keduanya, apakah kriteria yang digunakan untuk istilah “Bumiputera”? Adakah ianya didasarkan kepada rekod buku yang menunjukkan dia bumiputera ataupun dari segi aktiviti semasa dia dapat kerja, sebab dari segi rekod, kadangkala kadang dikatakan dia bumiputera, tetapi dari segi perjalanan kerja di peringkat bawah, dia bukan lagi bumiputera. Adakah jumlah tersebut didasarkan kepada ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian kami telah menjalankan beberapa siasatan untuk menentukan sama ada ianya sebuah syarikat bumiputera atau tidak. Selepas itu jugalah, kita akan mengisytiharkan sesuatu syarikat sebagai syarikat bumiputera dan kita akan memberi kepada mereka satu pengiktirafan yang khas sebagai syarikat bumiputera jika ianya mempunyai ekuiti sekurang-kurangnya 51% daripada kaum bumiputera dan seperti itu jugalah dalam pengurusan dan bidang-bidang yang lain dalam syarikat itu. Jikalau syarikat itu tidak mempunyai kandungan seperti apa saya katakan tadi, mereka tidak dapat kerja-kerja daripada Kementerian saya. Jika mereka dapat kerja daripada JKR di tiap-tiap peringkat, kita akan menjaga adakah kerja itu akan dijalankan betul-betul oleh Syarikat Bumiputera dan juga mengikuti dengan prinsip yang dilancarkan oleh Kerajaan atau tidak.

KONSERT ROCK— PENGHARAMAN

5. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada pengharaman Konsert Rock itu adil dan saksama tanpa memikirkan perasaan generasi-generasi muda. Musik rock adalah merupakan hiburan semata-mata, patutkah ini diberhentikan. Tidakkah ini akan menggalakkan generasi-generasi muda itu melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah sebagai hiburan untuk mententeramkan fikiran mereka.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan mengharamkan Musik Rock Berat yang dianjurkan secara terbuka atau “Open Public Concert”. Apabila keputusan ini diambil, Kerajaan telah mengkaji sedalam-dalamnya segala sudut implikasi musik rock jenis ini. Adalah diperhatikan Musik Rock Berat melalui jenis dan corak persembahan sedemikian membawa unsur-unsur yang boleh mempengaruhi generasi muda ke arah dadah, rendah nilai akhlak, kelakuan yang sumbang, pakaian yang tidak menentu dan membawa unsur-unsur yang negatif terhadap budaya sihat.

Pengharaman Musik Rock itu dibuat kerana ternyata sikap meniru di kalangan penonton terhadap persembahan di pentas menjejaskan ketenteraman dan keselamatan awam dan pengaruh-pengaruh itu telah melibatkan masyarakat yang lebih besar.

Kerajaan tidak percaya pengharaman itu menyebabkan generasi muda memilih dadah sebagai hiburan, sebaliknya dengan pengharaman itu golongan belia boleh memilih banyak alternative programmes dan aktiviti yang sedia

ada atau yang dianjurkan oleh Kerajaan, atau boleh diceburi sendiri oleh para beli: terutamanya aktiviti-aktiviti yang baik, yang boleh membawa mereka ke arah kehidupan yang lebih sempurna.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya bukan seorang peminat Konsert Rock ini, tetapi suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa tindakan Kerajaan untuk mengharamkan Musik Rock Berat ini boleh dikatakan merupakan satu tindakan keterlaluan atau, dengan izin, over reaction memandangkan kepada satu incident yang terasing ataupun, dengan izin, isolated incident yang telah berlaku?

Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menimbang semua keputusan Kerajaan supaya Musik Rock ini dapat diteruskan dengan kawalan yang ketat, dengan adanya garis-garis panduan yang dapat diikuti oleh para penganjur?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu, kalau sekiranya masalah ini dianggap semata-mata dari sudut keselamatan sahaja. Tetapi pihak Kerajaan memandang kepada masalah ini adalah lebih jauh daripada itu, iaitu ianya merupakan masalah budaya, masalah yang melibatkan keruntuhan akhlak dan nilai masyarakat kita. Oleh itu saya tidak anggap bahawa tindakan pihak Kerajaan itu merupakan satu, dengan izin, over-reaction, kepada satu masalah yang berlaku, tetapi merupakan cetusan kepada masalah yang lebih besar lagi.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini selaras dengan pengharaman Konsert Rock sebagai

satu pengalaman pertama, berniat atau bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Penasihat kepada Kementerian tersebut dalam menimbang mana-mana persembahan ataupun budaya yang ingin dibawa masuk ke negara ini sama ada ianya patut diharamkan atau tidak.

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa yang dimaksudkan itu sudah pun ditubuhkan. Masalah yang timbul bukan kemasukan para artis dari luar, tetapi artis tempatan.

BIJIH TIMAH—PENSTABILAN HARGA

6. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Menteri baru sejak mengambil tanggungjawabnya untuk menstabilkan harga bijih timah yang telah merosot begitu rendah pada masa lalu; dan
- (b) dalam keadaan kemerosotan bijih timah seperti yang kita hadapi pada masa ini, Kerajaan harus memberi lebih peruntukan untuk "Research and Development" tetapi sumbangan Kerajaan telah pun dikurangkan. Bolehkah Kerajaan kita melebihi sumbangan tersebut pada tahun 1986.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan harga timah adalah merupakan satu kenyataan yang melanda perusahaan timah dunia. Ianya timbul oleh kerana kelebihan bekalan ke atas permintaan akibat penggunaan barang-barang gantian seperti aluminium, kertas dan plastik, dan juga kelembapan ekonomi dunia.

Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara pengeluar timah utama di dunia, pihak kita sahaja tidak berkuasa mempengaruhi ataupun menstabilkan harga timah oleh kerana ianya perlukan usaha masyarakat timah antarabangsa. Dari segi ini Menteri Perusahaan Utama akan berpeluang merundingkan perkara ini dengan rakan-rakan sejawatnya di Persidangan Majlis Menteri Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) pada 27hb dan 28hb Oktober ini di Jakarta.

Tuan Yang di-Pertua, urusan penyelidikan dan kemajuan juga memerlukan penglibatan masyarakat timah antarabangsa. Dalam hubungan ini, Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) telah ditubuhkan sejak 1932 lagi bagi maksud mengadakan penyelidikan dan kemajuan bagi mengekal, memperluas dan mempelbagaikan penggunaan timah, ITRI buat masa ini dianggotai oleh negara-negara pengeluar timah seperti Indonesia, Malaysia, Nigeria, Thailand dan Zaire.

Bagi meningkatkan usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah, ATPC telah pun ditubuhkan untuk memberi perhatian penuh ke atas usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah dengan menggunakan ITRI sebagai jenteranya.

Melalui penglibatan Malaysia dalam aktiviti ini, sumbangan Kerajaan telah meningkat daripada \$307,000 pada tahun 1980 kepada sebanyak \$3.4 juta pada tahun 1986.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada apa-apa cadangan positif untuk menaikkan pasaran bijih timah dunia ini. Bolehkah saya cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan cadang, boleh bertanya.

Tuan S. S. Subramaniam: Bolehkah saya menyoalkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan yang akan diambil untuk memasarkan bijih timah di dalam pasaran dunia melalui London Metal Exchange (LME), oleh kerana saya rasa dengan tindakan seperti itu harga boleh distabilkan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang telah saya jawab kepada soalan yang kedua tadi, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikan KLTM sebagai pasaran ataupun pusat dagangan timah terkemuka di dunia. Jadi saya tidak percayalah bahawa Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada LME pada masa sekarang. Walau bagaimanapun sepertimana yang telah saya terangkan tadi usaha yang dibuat oleh Kerajaan telah pun dibuat tetapi ini bergantung kepada kerjasama daripada negara-negara pengeluar yang lain.

Saya percaya dalam rundingan yang akan diadakan di Jakarta dalam 2-3 hari lagi, Menteri Perusahaan Utama akan membangkitkan beberapa perkara untuk menstabilkan bahkan menaikkan harga timah antarabangsa.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terdapat langkah-langkah untuk menstabilkan harga timah di pasaran dunia ataupun di pasaran Kuala Lumpur. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencari jalan supaya mengurangkan kos produksi untuk menggali bijih timah supaya dapat bersaing dengan negara-negara pengeluar bijih timah yang lain?

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan mengurangkan kos production

ini terpulangnya kepada industri pengeluaran timah yang terdapat di negara kita ini, bukanlah ini dibebankan oleh Kerajaan.

PUNCA KEMATIAN

7. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab meninggal dunia orang-orang di negara kita sepanjang lima tahun yang lalu; jumlah orang dan peratusannya yang telah meninggal dunia akibat penyakit "cardio-vascular", dari kemalangan (motor dan perusahaan) dan dari kanser, sama ada langkah-langkah cergas diambil bagi mengasuh orang awam supaya melindungi mereka.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh lima tahun dari 1980 hingga 1984, sepuluh sebab-sebab utama kematian di negara kita adalah seperti berikut:

Berpunca dari penyakit jantung, kemalangan, penyakit-penyakit bayi, cardio-vascular, barah, pneumonias, batuk kering, diseases of liver, cirit-birit dan complication of pregnancy, dengan izin.

Kadar purata setahun kematian pada tahun 1984 di seluruh hospital Kerajaan yang disebabkan penyakit cardio-vascular ialah 6.4% iaitu seramai 1,427 orang; kemalangan 10.2% iaitu 2,276 orang dan kanser 6.1% iaitu seramai 1,358 orang.

Kementerian Kesihatan memang memberi tumpuan yang penting kepada usaha mendidik orang ramai mengenai penyakit-penyakit ini, kerana kebanyakan boleh dielak (preventable). Di antara langkah-langkah pendidikan yang diambil ialah mengadakan kempen yang bertujuan untuk menyedarkan di kalangan orang ramai tentang punca dan sebab penyakit-penyakit ini timbul.

Selain daripada mengadakan kempen-kempen itu, Kementerian juga menyebarkan maklumat tentang penyakit-penyakit itu kepada orang ramai melalui pengedaran bahan-bahan pendidikan seperti poster, risalah dan buku kecil dan juga melalui media-massa seperti radio, televisyen dan akhbar-akhbar tempatan serta melalui aktiviti ceramah, pameran, dialog dan perbincangan yang sentiasa dilakukan oleh kakitangan kesihatan di klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga sedang mengambil langkah untuk memberi perkhidmatan pendidikan kepada pesakit-pesakit di hospital-hospital besar mengenai penyakit-penyakit itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengapa komplikasi mengandung masih menjadi sebab utama kematian di negara ini, dan apakah langkah-langkah selain daripada yang disebutkan tadi diambil kerana ini boleh dielakkan?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kematian akibat komplikasi mengandung tidak menjadi sebab utama di antara 10 sebab yang utama—bukan yang utama sekali.

Yang kedua, kadar kematian melalui complications of pregnancy, dengan izin, sudah pun menurun sangat sejak negara kita merdeka dan perkara ini dapat dielakkan jika ibu-ibu yang mengandung juga menggunakan perkhidmatan antenatal yang diwujudkan oleh Kerajaan. Kementerian Kesihatan sudah pun mengatur satu strategi untuk mengenalpasti ibu-ibu yang dalam golongan risiko tinggi untuk memberi perhatian yang lebih mendalam kepada mereka dalam golongan ini untuk mengelakkan bukan sahaja kematian ibu tetapi juga kematian bayi-bayi.

Dr Eng Seng Chai: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah Kementerian Kesihatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Alamatkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila tanya.

Dr Eng Seng Chai: Apakah langkah-langkah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengambil untuk menghadapi masalah peluasan merokok yang sekarang ini ditentukan adalah satu punca penyakit-penyakit vascular, penyakit jantung dan penyakit kanser?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, memang betul penyelidikan menunjukkan bahawa tabiat merokok itu adalah satu yang membawa kepada kebanyakan penyakit-penyakit yang saya sebutkan tadi dan memang Kerajaan mengambil beberapa tindakan. Tetapi malangnya tanggungjawab untuk kempen anti merokok itu adalah terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri, bukan di bawah Kementerian Kesihatan.

PINJAMAN PEMBANGUNAN PERUSAHAAN KECIL

8. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada pinjaman Bank Dunia sejumlah M\$180 juta yang masih ada dan yang diurus melalui Bank Pembangunan dan MIDF dapat dibuka kepada pemohon-pemohon daripada sektor pertanian dan perikanan memandangkan pinjaman tersebut setakat ini adalah bagi kegiatan jenis pembuatan sahaja, jika boleh bagaimanakah rakyat di kawasan Bahagian Kelima (Limbang dan Lawas) khususnya dan Sarawak amnya dapat memohon pinjaman tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pinjaman di bawah program Pembangunan Perusahaan Kecil yang diuruskan melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan MIDF adalah dikhaskan kepada perusahaan-perusahaan pengilangan dan pembuatan sahaja, walaupun kelonggaran ada diberi kepada sektor perdagangan dan perkhidmatan, dengan izin, trading and service industries.

Mengikut objektif asal program ini semua jenis aktiviti bercorak pengeluaran pertanian dan perikanan adalah terkeluar daripada skop pembiayaan di bawah program ini. Oleh yang demikian, untuk membuka program ini kepada pemohon-pemohon dari sektor pertanian dan perikanan adalah bertentangan dengan objektif yang telah dipersetujui di antara Kerajaan Malaysia dengan Bank Dunia.

Untuk menjawab soalan yang kedua, penduduk-penduduk di Sarawak boleh dipertimbangkan pinjaman untuk projek-projek di dalam sektor pembuatan, perkilangan perdagangan dan perkhidmatan tertakluk kepada syarat-syarat dan kriteria-kriteria yang sama seperti di negeri-negeri lain dalam Semenanjung Malaysia. Mereka boleh berhubung dengan Pejabat-pejabat Cawangan Bank Pembangunan Malaysia Berhad atau MIDF di Bangunan Bank Negara, Jalan Satok, Kuching, Sarawak.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa syarat-syarat yang dikenakan oleh MIDF dan Bank Pembangunan untuk mendapatkan pinjaman khas Bank Dunia ini adalah

terlalu ketat sekali sehingga mendukacitakan ramai usahawan yang hendak meminjam? Jadi, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian ataupun Kerajaan untuk menentukan bahawa jumlah wang yang begitu banyak ini dapat dikeluarkan secepat mungkin yang boleh khasnya kepada usahawan-usahawan bumiputera?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sanggup memberikan pertimbangan kepada usahawan-usahawan yang berminat untuk mendirikan perindustrian kecil di negara kita ini mendapatkan pinjaman melalui Bank Pembangunan ataupun MIDF terutama sekali pinjaman-pinjaman yang telah disalurkan oleh Bank Dunia. Bagaimanapun, dalam kita memberikan pinjaman-pinjaman ini yang perlu ada ialah viability ataupun dayamaju projek-projek yang berkenaan dan juga cagaran-cagaran yang berpatutan yang akan memungkinkan peminjam-peminjam ini dapat membayar balik pinjaman yang telah didapati daripada institusi kewangan yang berkenaan.

Tuan Mutang Tagal: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat ini berapa jumlah wang yang disalurkan oleh Bank Dunia itu telah pun dipersetujui ataupun diberikan kepada usahawan-usahawan yang telah menjalankan kilang di negara ini dan bakinya berapa?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kesemua sekali wang yang disalurkan oleh Bank Dunia ialah \$210 juta yang mana \$58 juta disalurkan melalui MIDF dan \$152 juta lagi disalurkan melalui Bank Pembangunan. Setakat ini lebih kurang \$23 juta sahaja yang telah pun diberi pinjaman oleh kedua-dua institusi ini.

HARGA BARANG-BARANG PERLU

9. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan harga barang-barang perlu serta kadar inflasi akibat kemelesetan ekonomi di negara ini yang telah menjejaskan khasnya pekerja-pekerja berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengawasi bekalan barang-barang perlu serta juga mengawal harga jualan setengah-setengahnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada bulan Mac 1986 yang lalu Kerajaan telah pun menurunkan harga runcit beberapa barangan perlu seperti gula bertapis, tepung gandum dan susu pekat manis. Kerajaan telah juga menurunkan harga barang-barang petroleum pada bulan-bulan Mac, April dan Jun 1986 yang lalu. Paras harga maksima harga barang perlu seperti gula, tepung gandum, susu pekat, simen, bar bulat keluli dan barang-barang petroleum adalah sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan apabila didapati perlu akan mengarahkan pengeluar-pengeluaranya menurunkan harga tersebut sewajarnya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap iaitu kepunyaan sebuah kereta adalah keperluan hari-hari. Mengapa kita tidak mengurangkan harga Proton Saga iaitu kereta kebangsaan, kereta yang kita selalu berkata buatan Malaysia, mengapakah kita tidak kurangkan harga Proton Saga untuk memberi kesempatan kepada orang tempatan membeli dan sokong satu barang buatan Malaysia?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu Proton Saga sebuah kereta adalah satu bekalan barang-barang perlu. (*Tepuk*)

INDUSTRI KECIL— TEMPATAN—PERLINDUNGAN

10. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk melindungi pengusaha-pengusaha industri kecil tempatan daripada saingan luar negeri.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk melindungi pengusaha-pengusaha industri kecil tempatan dari saingan luar negeri adalah dengan tidak membenarkan pengusaha-pengusaha besar tempatan dan luar negeri mengeluarkan barang-barang yang sedang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil. Bagi menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha kecil, Kementerian ini telah mengambil tindakan untuk mengkhaskan 46 jenis pengeluaran yang hanya boleh dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha kecil. Tindakan ini dibuat melalui Jawatankuasa Tindakan mengenai industri yang mana Kementerian ini mempunyai wakil di dalam Jawatankuasa yang tersebut.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan pengilang-pengilang kecil di sini, dengan izin, are competing dengan pengilang-pengilang asing seperti di dapati barang-barangan yang telah dibuat daripada pengilang pekerja asing yang melawan dengan barang-barang tempatan dan tempat strategik untuk menjualkan barang

mereka. Misalnya, kontraktor asing seperti kontraktor Jepun dan Korea hanya menggunakan barang-barang dikeluarkan daripada kilang mereka walaupun harganya lebih tinggi, lebih mahal tetapi mereka gunakannya.

Adakah Menteri yang berkenaan mengesyorkan bahawa selain daripada 46 barangan yang dinyatakan tadi itu diperluaskan sehingga barang-barangan yang dikeluarkan daripada tempatan itu tidak dibenarkan diimport daripada negeri-negeri asing?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian ini ada wakil dalam Jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi dan oleh kerana dahulunya Bahagian Industri Kecil berada di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di masa itu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagaimana saya dimaklumkan oleh wakil Kementerian ini yang ada dalam Jawatankuasa yang berkenaan telah pun mengambil langkah-langkah berikut untuk melindungi pengusaha-pengusaha industri.

- (1) Lesen perkilangan tidak akan dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jika terdapat pengusaha-pengusaha besar tempatan atau asing yang ingin mengeluarkan barang-barang ini. Dengan adanya tindakan seperti ini maka pengusaha-pengusaha kecil akan dapat berkembang sehingga mereka berjaya dalam pengeluaran barang-barang yang dikhaskan itu.
- (2) Menyekat beberapa barang daripada diimport dari luar negeri ke negara ini dengan menaikkan tarif ke atas barang tersebut. Tindakan ini dibuat melalui Jawatankuasa Khas Penasihat mengenai tarif.

- (3) Mengadakan perundangan dari segi cap dagangan ataupun paten. Akta Cap Dagangan 1976 dan Akta Paten 1983 (Pindaan) 1986. Dengan adanya Akta-akta ini, pengusaha-pengusaha tempatan boleh melindungi ciptaan-ciptaan perusahaan mereka daripada ditiru dengan mendaftarkannya di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Senarai barang-barang yang dihaskan untuk diusahakan oleh pengusaha-pengusaha kecil adalah disenaraikan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Basri bin Bajuri: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hari ini menggalakkan industri kecil diwujudkan di kampung-kampung tetapi yang menjadi masalah di kampung-kampung ialah tidak adanya koordinasi di antara jabatan-jabatan yang berkaitan. Ini menyebabkan pengusaha-pengusaha yang baru hendak belajar ini terpaksa pergi ke berbagai-bagai jabatan untuk mendapatkan bantuan.

Saya ingin bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu one-stop agency, dengan izin, bagi memudahkan pengusaha-pengusaha kecil?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pun memang telah ada jawatankuasa yang berkenaan yang telah wujud di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan dengan bertukarnya Bahagian Industri Kecil ini kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah pun mengarahkan supaya Timbalan Menteri di

Kementerian berkenaan menjadi Pengerusi kepada Jawatankuasa yang telah disebutkan tadi.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

11. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan akan menganjurkan satu Persidangan Kebudayaan Kebangsaan pada masa depan yang akan diwakili oleh wakil-wakil dari pelbagai lapisan masyarakat, kaum dan badan budaya dengan tujuan untuk merumus satu Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang benar-benar mencerminkan keinginan dan hasrat masyarakat pelbagai kaum di Malaysia.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah menganjurkan Kongres Kebudayaan Kebangsaan dalam tahun 1971. Jika sekiranya Yang Berhormat itu bermaksud Kongres bagi menetapkan satu dasar baru mengenai kebudayaan maka pihak Kerajaan tidak lagi berhasrat mengadakan Kongres.

Kerajaan dan pelbagai pertubuhan kebudayaan telah juga mengadakan beberapa siri persidangan kebudayaan, seminar konvensyen dari masa ke semasa yang melibatkan penyertaan dari semua kaum dan sebagai usaha memberi jalan bagaimana konsep dasar kebudayaan yang telah ditetapkan itu dilaksanakan bersama termasuk unsur-unsur kebudayaan Cina, India dan unsur-unsur budaya sezaman yang patut diterapkan dalam pemupukan kebudayaan kebangsaan.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan negara kita memanglah amat liberal sifatnya. Adalah menjadi tanggungjawab masyarakat berbagai kaum di negara kita tampil mengemukakan saranan dan

pandangan ke arah mengisi dasar itu. Umpamanya bagaimanakah unsur kebudayaan yang sesuai dan wajar itu daripada masyarakat Cina atau India atau unsur-unsur universal yang lain dapat diserapkan sesuai dengan konsep kita.

Dalam hal ini Kerajaan tidak menghalang malah menggalakkan persidangan atau seminar yang boleh membantu ke arah pelaksanaan dasar tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dasar yang disebutkan tadi mewujudkan emosi dan sentimen di setengah-setengah kalangan masyarakat dan adakah Yang Berhormat hendak menimbangkan bahawa dasar ini boleh dibubarkan ataupun boleh diberhentikan kerana ada dasar dengan paksaan tidak akan mewujudkan kebudayaan negara? Negara boleh adakan kebudayaan tanpa dasar. Bolehkah Yang Berhormat mempertimbangkan perkara ini?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak benar ada paksaan di bawah Dasar Kebudayaan Kebangsaan kerana Kerajaan tidak pernah memaksa mana-mana pihak ataupun menyekat mana-mana budaya suku kaum tetapi apa yang perlu ditegaskan ialah keperibadian negara kita haruslah ditentukan dengan tegasnya (*Tepuk*).

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa dasar kebudayaan kebangsaan telah pun dibentuk melalui tiga prinsip pada tahun 1971. Yang pertama, berteraskan kepada kebudayaan rakyat. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sila tanya. Janganlah bagi prinsip pula (*Ketawa*). Sila tanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soal ini ada kaitan dengan soal-soal prinsip.

Tuan Yang di-Pertua: Kaitkan soalan itu di atas prinsip yang Ahli Yang Berhormat hendak keluarkan itu.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, tiga prinsip yang saya maksudkan tadi ialah pertama, kebudayaan rakyat asal. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya tak benarkan Ahli Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan prinsip itu, yang dibenarkan ialah pertanyaan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah sejak dasar kebudayaan kebangsaan itu diputuskan, kita dapati banyak pencabulan telah berlaku. Antara pencabulannya selain daripada yang digugat oleh golongan-golongan "chauvinist politics", sehinggalah kepada berlakunya kebudayaan "rock", maka apakah Kementerian tidak bercadang untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan nasional itu?

Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kekesanan dari segi pelaksanaan dasar kebudayaan kebangsaan. Apa yang penting ialah kefahaman tentang dasar itu dan penjelasan yang tepat akan diberikan oleh pihak Kerajaan kepada semua pihak.

JAMBATAN PULAU PINANG— MENGAMBIL ALIH

12. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih Jambatan Pulau Pinang.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengemukakan apa-apa cadangan untuk mengambil alih jambatan Pulau Pinang.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Kerajaan bercadang supaya memberi Jambatan Pulau Pinang itu sebagai hadiah kepada negeri Pulau Pinang untuk menggantikan kedudukan "Pelabuhan Bebas" negeri Pulau Pinang yang telah lucut itu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa soal itu tak berbangkit.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini adakah benar Jambatan Pulau Pinang ini ada, dengan izin, defects to piling dan pile cap. Dan apa-apa langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi defects itu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan seperti itu adalah daripada seorang yang tidak ada kelayakan untuk menuduh atas, dengan izin, effectiveness and stability of the Penang Bridge. Sebab itu seorang pakar perunding sudah pun memberitahu kepada rakyat jelata di dalam tanahair kita dan juga mengikut dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh jugalah menggunakan jambatan itu jika Ahli Yang Berhormat itu boleh hidup seratus tahun akan datang (*Ketawa*).

SEKOLAH SWASTA—MUTU DAN JAMINAN PELAJAR

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan sekolah (i) rendah dan (ii) menengah swasta yang berdaftar di Malaysia;
- (b) bilangan murid sekolah di dalam (a) (i) dan (a) (ii) menjelang bulan Oktober, 1986;
- (c) peruntukan-peruntukan yang dibuat untuk mengesyorkan sekolah-sekolah swasta mempertahankan darjat-darjat pendidikan dan menyediakan kemudahan-kemudahan pendidikan yang tinggi; seperti yang digariskan oleh pihak Kementerian;
- (d) langkah-langkah serta undang-undang yang diambil dan dikuatkuasakan untuk memasti supaya penyalahgunaan tabung sekolah-sekolah ini tidak berlaku; dan
- (e) sekiranya sesebuah sekolah swasta (Syarikat Sendirian Berhad) menjadi bankrap, apakah langkah-langkah Kerajaan yang diambil terhadap syarikat berkenaan dan terhadap pelajar-pelajar di dalam sekolah yang malang ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah swasta yang berdaftar di Malaysia serta bilangan murid-muridnya pada 31hb Januari, 1986 adalah seperti berikut:

	Sekolah	Murid
Sekolah Rendah Swasta	56	7,420
Sekolah Menengah Swasta	675	181,601

Sekolah-sekolah swasta dikenakan syarat supaya mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang sesuai dan mencukupi, guru-guru yang berkelayakan dan sebuah lembaga sekolah untuk bertanggungjawab mengenai hal-hal pengurusan sekolah swasta berkenaan. Peraturan-peraturan lain tertakluk kepada Akta Pelajaran, 1961 dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengannya.

Memang terdapat peruntukan tertentu dalam Peraturan-peraturan Sekolah, 1951 untuk memastikan bahawa kutipan yuran daripada pelajar-pelajar hanya boleh digunakan untuk kepentingan pelajar-pelajar berkenaan.

Mengenai soal yang akhir, sehingga kini belum ada sekolah yang diisytiharkan bankrap. Sekiranya sesebuah sekolah swasta menjadi muflis, Kementerian Pelajaran tidak boleh mengambil apa-apa langkah terhadap sekolah, selain daripada pihak yang bertanggungjawab, termasuk pelajar-pelajar melaporkan kepada pihak Polis supaya siasatan dan tindakan yang sesuai dapat diambil.

Walau bagaimanapun, kajian semula tentang Peraturan-peraturan ini sedang dilakukan supaya kemungkinan wang pertaruhan dikenakan kepada sekolah-sekolah tersebut. Arahan juga telah dikeluarkan supaya pengawasan yang lebih berhati-hati dan teliti dilakukan terhadap perjalanan sekolah-sekolah swasta. Ini termasuk soal tahap pencapaian pendidikan, mewujudkan guru-guru yang berkelayakan, menyediakan dengan kemudahan-kemudahan yang sesuai dan lengkap dan mengenakan yuran yang berpatutan.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sejauh manakah hasil diperolehi oleh

Kerajaan Persekutuan selepas pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa pelepasan bayaran cukai tanah bagi sekolah-sekolah swasta akan dilaksanakan dan setakat manakah Kerajaan Persekutuan telah membincangkannya dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan cadangan itu?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan telah memaklumkan perkara tersebut untuk perhatian dan tindakan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai sekolah-sekolah swasta itu, adakah pihak Kementerian Pelajaran mengawasi pelajar-pelajar dan guru-guru juga yang mana kita dapat tahu mereka itu menjalankan dakyah-dakyah membencikan Kerajaan dan juga unsur-unsur politik yang membenci Kerajaan, adakah dapat diketahui?

Tuan Yang di-Pertua: Pada fikiran saya, itu tak bersangkutan dengan soalan asal.

PENDATANG HARAM—JUMLAH

14. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan keberkesanan Kementerian dalam mengendalikan masalah pendatang haram, dengan memberi butir-butir mengenai bilangan pendatang haram mengikut bangsa yang telah ditangkap dan dihantar balik sejak tahun 1983 sehingga bulan September, 1986.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan bertindak tegas terhadap semua

pendatang haram di negara ini. Mana-mana pendatang haram yang dikesan akan terus ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari Malaysia.

Selain daripada tindakan tegas yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan sempadan daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Dalam Negeri telah berjaya mengurangkan kemasukan pendatang haram ke negara ini dan juga mengurangkan bilangan pendatang haram yang masih berada di Malaysia ini.

Kesan yang paling nyata ialah apabila Kementerian Dalam negeri mengadakan serbuan mengejut di kawasan-kawasan yang kita jangka ada ramai pendatang haram, terutamanya di ladang-ladang. Pihak Kementerian telah menerima banyak surat rayuan agar pihak Kementerian mengurangkan sedikit tindakan itu, tetapi pihak Kementerian Dalam Negeri terpaksa menjalankan tugas mengikut keperluan undang-undang.

Bilangan pendatang haram yang ditangkap dan dihantar balik atau diusir keluar ke negara asal mereka bagi Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut, maaf saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tak berapa panjang sangat, saya cuba hendak pendekkan. Saya tak mahu sebut negara-negaranya tetapi saya hendak sebut jumlahnya.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangannya seperti berikut:

	<i>Jumlah ditangkap</i>	<i>Jumlah diusir</i>
1983	9,119	8,435
1984	11,719	10,907
1985	22,142	20,127
1986 (hingga 31hb Ogos)	13,357	8,586

Tuan Yang di-Pertua, perangkaan ini menunjukkan bahawa bilangan pendatang haram yang ditangkap dalam sesuatu tahun itu adalah melebihi bilangan mereka yang diusir keluar dari tahun yang sama. Ini ialah kerana sebahagian daripada mereka yang ditangkap itu tidak diusir keluar terus, sebaliknya terdapat keadaan di mana pendatang haram yang ditangkap dalam sesuatu tahun itu diusir keluar dalam tahun-tahun berikutnya.

Sebahagian daripada mereka itu ditahan untuk penyiasatan lanjut, ada yang didakwa di Mahkamah dan dipenjarakan sebelum mereka diusir keluar.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini berapakah jumlah pendatang haram daripada Vietnam di negara kita ini dan apakah langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa kesemua pendatang-pendatang haram Vietnam ini diusir keluar daripada negara kita ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pendatang haram Vietnam ini terlalulah kecil bilangannya iaitu 1983—4 orang, 1984—3 orang, 1985—5 orang, tetapi 1986 tidak ada, yang ada di Pulau Bidong itu ialah pelarian.

Tuan Mohd. Zihim bin Mohd. Hassan: Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

memberitahu siapakah yang membiayai masalah menghantar balik pendatang-pendatang haram itu. Sekiranya kita menghantar berapakah banyak wang yang digunakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ini terletak kepada negara kita sendiri dan saya mohon notis untuk memberi butir-butir perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

PENGIRIMAN WANG TAHUNAN SEKOLAH KE LUAR NEGERI

15. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pengiriman wang tahunan yang dibuat oleh ibubapa-ibubapa Malaysia kepada anak-anak mereka yang menuntut di luar negeri bagi tahun 1984, 1985 dan 1986. Dan juga kos taksiran untuk mendirikan sebuah universiti di tanahair kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tiada menyimpan rekod jumlah wang yang dikirim oleh ibubapa-ibubapa kepada anak-anak mereka yang menuntut di luar negeri. Perkara ini adalah urusan persendirian masing-masing dan tidak menjadi satu perkara yang penting untuk diambil tahu oleh Kementerian.

Anggaran kos untuk membina sesebuah universiti di Malaysia tentulah berbeza mengikut tahun pembinaannya, jumlah dan jenis fakulti, kawasan, sistem kontrak, jumlah pelajar dan kakitangan, rekabentuk bangunan dan beberapa faktor lain. Sebab itu saya fikir agak anih sedikit soalan ini. Walau bagaimanapun, anggaran kos untuk pembinaan tiap-tiap sebuah universiti yang ada sekarang telah dibina adalah dalam lingkungan \$250 juta hingga \$800 juta.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa untuk membina sebuah universiti tempatan adalah lebih murah daripada kiriman wang yang dihantar oleh ibubapa mereka yang dianggarkan sebanyak \$1 bilion. Saya hendak bertanya mengapakah langkah ini tidak diambil.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, langkah ini telah pun diambil. Kalau Yang Berhormat dari Kota Melaka sedia sedar, pembinaan dan perkembangan universiti amatlah pesat dan baru lagi di Dewan yang mulia ini saya telah memberikan angka-angka tentang perkembangan jumlah pelajar-pelajar tiap-tiap tahun di universiti dan di antara negara-negara yang sedang membangun, rekod peningkatan jumlah pelajar-pelajar ke universiti tempatan adalah amat tinggi sekali yang dicapai di negara kita.

UNIVERSITI TEMPATAN— PERMOHONAN MASUK

16. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada permohonan bagi tempat untuk memasuki universiti-universiti tempatan ditentukan dengan kelayakan akademik sahaja; jika tidak, apakah kelayakan-kelayakan lain yang diperlukan; sama ada mereka ini ditentukan mengikut sistem kadar perkauman (bangsa) dan sama ada kadar kuota yang menjadi faktor utama bagi menyumbang terhadap polarisasi kaum. Jika benar, apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kelayakan akademik seseorang pelajar merupakan syarat utama bagi pemilihan memasuki universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, kemasukan tersebut

bergantung juga kepada kuota yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan. Perkara ini sebenarnya bertujuan untuk mengimbangkan bilangan pelajar dari berbagai kaum dan mewujudkan keadilan dalam pembahagian tempat di universiti-universiti tempatan di negara ini. Ini termasuklah peruntukan kuota untuk bumiputera dan bukan bumiputera dan kelonggaran yang diberikan bagi pelajar-pelajar Sabah dan Sarawak oleh kerana kelulusan mereka rata-rata lemah daripada kelulusan rakan-rakan mereka di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 20 adalah diberi di bawah ini).

UNIVERSITI/KOLEJ— PENUBUHAN

17. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Yang Berhormat menggalakkan penubuhan lebih banyak Universiti dan Kolej di negara ini memandangkan kenaikan yuran pelajaran di universiti asing telah menahan pelajar-pelajar miskin kita melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Soalan ini tidak begitu jelas kerana tidak menyatakan pihak mana yang dikehendaki menubuhkan lebih banyak Universiti dan Kolej di negara ini.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat bermaksud pihak Kerajaan ataupun pihak swasta, saya telah menjawabnya pada 13hb Oktober, 1986 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor. Saya juga telah mengulas perkara ini dalam ucapan menggulung saya pada 15hb

Oktober, 1986. Saya tidak bercadang untuk menambah lagi kepada jawapan ini.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— KAJIAN

18. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) apakah hasil kajian menyeluruh ke atas Kampung-kampung Baru;
- (b) apakah jumlah sumbangan bagi setiap agensi-agensi Kerajaan yang disebutkan; di bawah menjelang bulan Oktober, 1986 kepada pembangunan Kampung-kampung Baru:
 - (i) Jabatan Kerjaraya;
 - (ii) Jabatan Parit dan Taliair;
 - (iii) Ahli-ahli Parlimen;
 - (iv) Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;
 - (v) Kerajaan-kerajaan Negeri;
 - (vi) Lain-lain agensi Kerajaan;
- (c) bagaimana pula dengan hasil kajian klasifikasi Kampung-kampung Baru.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:

- (a) Kerajaan telah pun menyiapkan satu kajian ke atas Kampung-kampung Baru. Dalam kajian ini, Kampung-kampung Baru telah pun diklasifikasikan mengikut jenis Kampung Baru, dan juga kategori Kampung Baru. Di bawah jenis Kampung Baru, Kampung-kampung Baru telah pun dibahagikan kepada Kampung Baru yang bercorak bandar, separa bandar dan luar

bandar. Kampung-kampung Baru juga dibezakan mengikut tahap pembangunan iaitu yang baik, sederhana dan kurang memuaskan.

(b) Berasaskan kajian yang disebut di atas, Kementerian saya bercadang membangunkan Kampung-kampung Baru mengikut tiga strategi jangkapanjang iaitu:

- (i) Pembangunan Kampung Baru sebagai Pusat Pertumbuhan Ekonomi Bandar Baru;
- (ii) Pembangunan Kampung Baru sebagai Pusat Kecil Bandar;
- (iii) Pembangunan sebagai Penempatan Manusia yang lebih Sempurna.

Walau bagaimanapun strategi-strategi ini masih dalam kajian dan telitian Kementerian saya.

(c) Kementerian saya tidak mempunyai rekod-rekod berkenaan jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh agensi-agensinya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam pembangunan Kampung-kampung Baru. Untuk tahun 1986, Kementerian saya telah pun diperuntukkan \$6 juta untuk memajukan Kampung-kampung Baru. Hampir 99% daripada peruntukan ini telah pun diperuntukkan untuk projek-projek kecil infrastruktur dan sosio-ekonomi.

(Soalan No. 19. Sila lihat Jawapan No. 9 pada 8-10-1986).

PENEMBAKAN ABU HASSAN BIN SAID

20. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil dari penyiasatan yang dijalankan berkenaan dengan penembakan Abu Hassan bin Said di Kuala Lumpur pada 3hb September tahun ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan ini telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Seputeh pada 14hb Oktober, 1986 dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (1) berkaitan dengan Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut dan Peraturan Mesyuarat 18, berkaitan dengan usul untuk menanggukkan mesyuarat bagi maksud membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan untuk hari esok, Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditanggukkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat 24hb Oktober, 1986, apabila tamat persidangan hari ini.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya

kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 14.1 berkaitan dengan Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut dan Peraturan Mesyuarat 18, berkaitan dengan usul untuk menanggungkan mesyuarat bagi maksud membincangkan perkara-perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan untuk hari esok, Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok, Jumaat 24hb Oktober, 1986, apabila tamat persidangan hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (22hb Oktober, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila sambungkan.

3.37 *ptg.*

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung atas perbahasan saya atas Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan) 1986.

Setakat semalam saya berucap di dalam peringkat cadangan. Setakat ini tidaklah cukup cadangan-cadangan konkrit iaitu cadangan-cadangan yang ada kemungkinan berjaya untuk menambah dan memperluaskan peluang-peluang untuk engineer atau professional engineer tempatan dan dengan pembentangan pindaan kepada Akta ini di Dewan ini, kita hanya pinda undang-undang untuk mendaftar sahaja, tetapi dalam pindaan-pindaan yang dibentangkan dan dalam Akta asal juga ada peruntukan memberi kesempatan kepada Jurutera asing mendaftar juga, macam itu saya hendak nyatakan Kementerian apa kemampuan mengawal salahguna kuasa peruntukan dalam Akta ini? Lebih baik saya suruh Kementerian Kerjaya senaraikan sebagai satu skim galakan kepada semua engineer tempatan. Senaraikan semua cadangan-cadangan, berikan butiran-butiran projek atau apakah projek-projek, nilai-nilai projek dan di mana dan bermula kerja-kerja projek, tarikh-tarikh, berilah tahu kepada semua Persatuan Engineer atau Engineer tempatan secara pengiklanan dalam suratkhbar dan dengan cara begini saya ingat Engineer tempatan kita akan dapat lebih kesempatan menyertai pembangunan negara kita. Dan lagi saya tuduh tidaklah cukup peruntukan untuk meningkatkan mutu kejuruteraan dalam negara ini, bukan sahaja kita ada pindaan dalam Akta Pendaftaran Jurutera memperuntukkan seseorang menggunakan huruf-huruf singkat sebagai engineer—Ir. ataupun P. Engineering—Jr. P, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebab dalam pindaan Akta asal juga ada kita dapat peruntukan memberikan pendaftaran engineer yang menyertai projek-projek bersama dengan negara asing, lebih baik saya cadangkan kepada Kementerian di mana-mana kita

dapati bakat sendiri tempatan kita tidak boleh membenarkan walaupun itu adalah satu projek bersama, tidak patut kita membenarkan sesiapa engineer asing menjadi seorang engineer pendaftaran sementara.

Untuk meningkatkan mutu kejuruteraan kita sepatutnya ada cukup penyeliaan dan cukup pengawalan kerja-kerja projek-projek kita, sebab kita sudah nampak Jambatan Pulau Pinang, iaitu jambatan ketiga besar dalam dunia ini buatan enjinir-enjinir Korea, tidaklah dapat kita memastikan mutu kerja mereka dan dapatlah kita tahu hari ini dan juga Menteri Kerjaraya mengakui adalah sana sedikit, sini-sana, tiang asas tak berapa baik, ada kekurangan kemampuan tiang asas. Dan juga kita, pihak DAP ada menimbulkan tuduhan iaitu 32 "pile cap", dengan izin, pun adalah kurang baik dan juga adalah 68 tiang asas "pile", dengan izin, ada "defective" dan juga kemungkinan jambatan buatan orang-orang engineer Korea akan runtuh pada masa 50 tahun daripada hari ini, tetapi tadi saya ada dengar hujah Menteri Kerjaraya ada beri jaminan 100 tahun jambatan yang ketiga besar ini akan berdiri. Saya tidak tahu apa asas ia memberikan jaminan, tetapi bolehkah kita kata, kita ada mempunyai kemampuan, kebolehan bakat engineer tempatan sendiri membangunkan satu jambatan yang boleh tahan 100 tahun.

Saya harap Kementerian kita ada cadangan-cadangan meningkatkan taraf kejuruteraan tempatan kita untuk dapatlah enjinir-enjinir yang boleh membangunkan satu jambatan yang sebagaimana Menteri jamin boleh tahan sekurang-kurangnya 100 tahun. Sebab kita pun tahu, dahulu Menteri pun ada jamin lebuh raya besar yang panjang macam Lebuh raya Kuala Lumpur ke Seremban atau Lebuh raya Timur-Barat (East-West) di sebelah Gerik ke Kota Bharu.

Kalau tidak silap saya ada ingat ada ketika Menteri-menteri pun ada kata kerja-kerja ini adalah baik, mutu yang tinggi, tetapi selepas projek-projek pembinaan habis, kita dapatlah tahu dalam suratkhbar ada runtuh tebing jalan, ada celah di mana-mana jalan, jalan Seremban ke Kuala Lumpur, dekat Kajang kita dapati tanah dikorek balik lagi dijadikan tempat itu sebagai satu jambatan sekarang walaupun tidak ada sungai di bawah, walaupun tidak ada air di bawah, kita jadikan tempat jalan itu sebagai jambatan. Itulah saya kata lebih baik Kementerian sebut apakah cadangan mereka untuk meningkatkan taraf kejuruteraan di negeri ini.

Lagi satu cadangan saya akan memberi kepada Kementerian Kerjaraya, memberi pertolongan kepada negara kita dalam masa kemelesetan ekonomi kita, iaitu cadangan mengeksport enjinir kita sebagaimana orang Jepun, orang Korea, orang Jerman, sebab kalau kita dapat mengeksportkan enjinir-enjinir kita kepada lain-lain negeri, terutamanya kepada negeri-negeri yang membangun, dapatlah kita beri kesempatan kepada enjinir-enjinir kita dapat kerja dan hapuskan pengangguran mereka, fasal saya diberitahu sekurang-kurangnya 500 engineer tempatan tidak dapat kerja, dan bukan itu sahaja, kita akan memperolehi lebih wang pertukaran, "foreign exchange", dengan izin, dan membolehkan negeri ini mengatasi kemelesetan ekonomi kita. Dan juga, kalau kita mengeksport enjinir-enjinir tempatan kita, kita dapat satu pengiktirafan standard taraf kejuruteraan tempatan kita.

Saya haraplah Kementerian Kerjaraya dalam pembentangan pindaan Akta Pendaftaran Jurutera dalam Dewan yang mulia ini akan memastikan kita tidak dapat lain hari adalah sebagaimana Datuk Mustafa Ahmad, Ketua Pengarah Lembaga

Lebuhraya Malaysia membuat aduan melalui suratkhbar pada 17-10-86, iaitu mutu kerja di sebahagian lebuhraya besar dalam negeri ini yang ditanggungjawab oleh enjinir-enjinir asing adalah menghadapi masalah teknikal, masalah design, masalah geologi yang memperlambatkan pembinaan kerja-kerja di lebuhraya berkenaan. Saya harap jika Kementerian Kerjaraya akan memberi kesempatan kepada orang tempatan dalam projek-projek yang akan datang, iaitu Projek \$1.4 billion Bewater-Antah, iaitu projek kerja logi-logi air dan juga Projek \$4 billion, iaitu kerja ke atas menyambung lebuhraya seluruh Semenanjung dan juga Projek Membina Rumah-rumah Kos Rendah sekurang-kurangnya 80,000 unit tiap-tiap tahun, saya harap ia akan memberi kesempatan kepada semua engineer tempatan membuktikan kebolehan mereka, kemampuan mereka menyertai semua projek-projek pembangunan ini.

Inilah ucapan saya ke atas pindaan Akta Pendaftaran Jurutera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

3.48 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyertai perbahasan atas Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera 1986 yang telah dibentangkan di Dewan oleh Menteri yang berkenaan. Di samping itu, saya mengambil kesempatan ini untuk membuat beberapa pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang fasal-fasal yang terkandung dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini.

Pertamanya, saya ingin menyatakan bahawa pindaan-pindaan ini memang telah lama ditunggu-tunggu oleh kerana saya difahamkan bahawa ianya mengambil masa hampir 5 tahun

untuk membolehkan pindaan-pindaan ini dibentangkan di Parlimen selepas ianya diedarkan kepada badan-badan kejuruteraan untuk mendapat ulasan-ulasan sejak tahun 1981.

Saya mendapati, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pindaan-pindaan luas ataupun, dengan izin, "extensive amendments" telah dibuat kepada seksyen 7A berhubung dengan amalan kejuruteraan oleh Pertubuhan Perbadanan. Soalan yang saya suka mengemukakan ialah sama ada pindaan menyeluruh ini membayangkan bahawa Lembaga Jurutera menghadapi masalah dalam melaksanakan kawalan yang lebih berkesan ke atas satu Pertubuhan Perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Jurutera Perunding.

Saya juga ingin meminta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai setakat mana Lembaga Jurutera telah meningkat atau memperkemaskan tugasnya mengawai salah amalan profesional memberi perkhidmatan kepada jurutera berdaftar dan meningkat pertanggungjawabkan awam sejak ianya ditubuhkan dalam tahun 1974. Dan bagaimanakah Lembaga ini benar-benar dapat mewakili profesyen kejuruteraan. Pernahkah Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 Akta induk mengadakan pertemuan dan jika ada berapa kalikah pertemuan diadakan dan apakah hasil pertemuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ramai jurutera tidak tertarik dengan tugas-tugas Lembaga Jurutera terutamanya dalam melindungi nama baik profesyen seperti mana dalam kes perumahan kos rendah Taman Segar di Kuala Lumpur yang mana pihak Kerajaan khususnya Timbalan Menteri Perumahan telah mengkritik

profesyen kejuruteraan kerana kerja-kerja yang tidak memuaskan dalam pembinaan rumah pangsa-rumah pangsa kos rendah.

Bercakap saya atas Lembaga Jurutera ini, saya terpaksa menyatakan di sini bahawa Lembaga juga telah gagal menerangkan hasil siasatan ke dalam perunding-perunding tempatan yang bertindak bagi pihak jurutera-jurutera asing yang terjadi dalam bulan Oktober, 1985.

Meskipun Lembaga telah menaikkan fee pendaftaran tahunan kepada \$75, tetapi ianya tidak memberikan maklumat yang kemaskini dan tetap mengenai nama mereka yang didaftarkan dalam pendaftaran kepada jurutera-jurutera yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih kepada Fasal 3 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk meminda seksyen 3 berhubung dengan perkara perlantikan anggota ke dalam Lembaga secara amnya. Saya berpendapat bahawa ini boleh dialu-alukan, tetapi saya harap bahawa Menteri berkenaan mestilah memastikan bahawa wakil-wakil dari lain-lain pertubuhan kejuruteraan seperti Persatuan Jurutera Malaysia dan Persatuan Jurutera Perunding adalah juga dilantik ke dalam Lembaga ini.

Mengenai Fasal 4 Rang Undang-undang ini, saya memerhatikan bahawa Fasal 4 Rang Undang-undang ini pula bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga bagi memperolehi harta bagi maksud-maksud Lembaga dan untuk meminjam atau mendapatkan wang bagi membiayai pembelian harta.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri kenapa perlu diadakan Fasal 4 ini. Ini tidak terdapat keperluan yang kukuh bagi Lembaga membeli harta atau meminjam wang

bagi menjalankan tugas-tugas tertentu. Adakah apa-apa precedent, dengan izin, bagi mengimbangi ataupun to justify, dengan izin, pindaan ini?

Berkenaan dengan Fasal 7 yang bertujuan meminda seksyen 7 (2) Akta untuk membolehkan Lembaga meluaskan skop budibicaranya dalam menentukan kelayakan profesional yang diperlukan bagi pendaftaran Jurutera Profesional. Ini dialu-alukan tetapi Lembaga mestilah memberikan maklumat yang kemaskini mengenai senarai kelulusan atau kelayakan profesional yang telah diluluskan kepada jurutera-jurutera berdaftar dan orang ramai bagi mengelakkan salah faham ataupun kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk menggantikan seksyen 7A Akta dengan peruntukan yang diubahsuai bagi membolehkan Lembaga mengadakan kawalan yang lebih berkesan ke atas suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai jurutera perunding.

Di bawah fasal ini saya suka bertanya, apakah pertimbangan yang diambil kira untuk tidak membenarkan rayuan dalam seksyen 7A (9) dibuat. Adalah tidak adil jika sesuatu rayuan tidak dibenarkan dikemukakan. Jika seseorang jurutera asing yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga dalam menolak permohonan pendaftaran sementara atau suatu pembaharuan boleh merayu kepada Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 10A (4), saya tidak nampak apa-apa sebab mengapa rayuan tidak boleh dibenarkan kepada suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai jurutera perunding.

Fasal 9 pula bertujuan memperuntukkan hanya seorang Jurutera Profesional berdaftar yang bermastautin dan menjalankan

amalan di Malaysia berhak mengemukakan plan lukisan dan lain-lain kepada pihak berkuasa dalam Malaysia adalah satu tindakan yang positif dan seharusnya dialu-alukan. Akan tetapi satu soalan yang saya suka bertanya ialah bagaimana Lembaga Jurutera bercadang untuk menguatkuasakan seksyen 8 (1) (b) oleh kerana terdapat bukti yang kecil ataupun bukti yang kurang untuk mengesahkan bahawa seksyen asal telah dikuatkuasakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 (b) yang bertujuan untuk membenarkan kemasukan suatu kelulusan tambahan sebagai alternatif bagi pendaftaran Jurutera Profesional dan Fasal 10 (c) pula bertujuan untuk memperuntukkan syarat-syarat tambahan bagi pendaftaran sebagai Jurutera Siswazah atau Jurutera Profesional pada amnya ialah satu pindaan yang positif, akan tetapi perlulah dinyatakan di sini bahawa keputusan Lembaga dalam menilaikan kelulusan Jurutera Profesional mestilah dibuat dengan adil.

Fasal 11 pula bertujuan mengemukakan satu seksyen baru 10A untuk membuat peruntukan bagi pendaftaran sementara jurutera asing sebagai seorang Jurutera Profesional. Saya suka merujuk kepada seksyen 10A (2) (a) yang berbunyi bahawa:

“10A (2) Seseorang jurutera asing boleh ditimbang untuk pendaftaran sementara jika dia boleh memuaskasikan hati Lembaga bahawa—

(a) dia mempunyai kelayakan-kelayakan yang perlu yang diiktiraf bagi amalan kejuruteraan sebagai Jurutera Profesional dalam negeri di mana dia biasanya menjalankan amalan;”

Saya suka meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan perkara ini. Saya

hendak sebutkan sebagai satu contoh seorang Jurutera asing dari negeri Taiwan. Dia akan layak untuk pendaftaran sementara dengan menimbang Seksyen 10A (2) (a). Bolehkah ini pula sebagai contoh seorang warganegara Malaysia yang mendapat kelulusan dari negeri Taiwan sebagai seorang Jurutera Profesional juga layak didaftarkan. Jika dia tidak layak kerana ijazahnya tidak diiktiraf di sini, maka saya kira ini merupakan satu perkara yang tidak adil dan juga boleh dikatakan sebagai double standard, dengan izin, dalam bahasa Inggeris.

Berhubung dengan Fasal kecil (b) mengenai perkataan “kepakaran yang perlu” perkataan ini boleh dikatakan samar-samar atau sangat vague, dengan izin, dalam bahasa Inggeris.

Saya pasti kini terdapat tenaga kepakaran yang mencukupi di kalangan Jurutera Profesional tempatan yang dapat mengendalikan kerja-kerja. Tetapi apa yang anehnya mengenai Seksyen 10A ialah mengapa Jurutera asing diberikan hak untuk merayu kepada Yang Berhormat Menteri di bawah Seksyen 10A (4) sedangkan tidak terdapat peruntukan seumpama itu dalam Seksyen 7A (9) untuk pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Jurutera Perunding.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan alasan-alasan tambahan di mana pendaftaran seorang Jurutera boleh dibatalkan atau digantung oleh Lembaga. Kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Fasal ini menentukan kelayakan atau ketidak kelayakan seseorang jurutera amatlah luas dan boleh disalahgunakan terutamanya apabila berhubung dengan Jurutera-jurutera yang mengkritik Lembaga.

Saya suka mengambil kesempatan ini juga untuk merujuk kepada Seksyen 15 (i) sebagai contoh yang berbunyi bahawa Pendaftaran seseorang Jurutera boleh dibatalkan—

- (i) jika dia didapati bersalah oleh Lembaga melakukan apa-apa perbuatan atau kelakuan yang pada pendapat Lembaga adalah memalukan atau mengaibkan;

Rangkai kata ini sangat samar-samar kerana bagaimana Lembaga boleh menentukan apakah dia yang memalukan dan mengaibkan. Keperluan seseorang Jurutera supaya mendaftar semula selepas tempoh tiga tahun adalah juga tidak adil jika dia hendak menghentikan amalannya untuk tempoh lebih daripada tiga tahun. Sebagai contoh, bertugas sebagai Wakil Rakyat ataupun Ahli Parlimen.

Akhirnya saya suka menyatakan di sini bahawa dengan pindaan-pindaan ini dan berkaitan dengan berbagai-bagai pindaan yang telah dicadangkan saya ingin menitikberatkan di sini bahawa adalah sangat perlu apabila ia diluluskan kelak mestilah dilaksanakan dengan adil tidak sahaja untuk kepentingan Jurutera tetapi juga pihak awam. Dan saya juga berharap bahawa beberapa bantahan yang saya bangkitkan tadi dan beberapa perkara yang telah saya sentuh tadi boleh mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Tanjong.

4.05 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) mengikut Yang Berhormat Menteri semalam ialah untuk mengawal tatakelakuan dan kesesuaian profesional kejuruteraan

pada keseluruhannya. Dan tujuannya ialah bahawa kita ada mutu kerja kejuruteraan di negara kita bahawa Jurutera-jurutera baik pun tempatan atau mereka yang menjalankan urusan-urusan di negara kita tidaklah merosakkan, menjejaskan kepentingan negara kita oleh kerana tidak memberi mutu yang berpatutan.

Saya berdiri khasnya oleh kerana satu kenyataan yang tidak patut dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam masa soal jawab mengenai Jambatan Pulau Pinang bahawa tuduhan ada kerosakan-kerosakan khasnya pile dan pile cap. Pile dan pile cap dibuat oleh orang yang tidak layak untuk buat tuduhan. Kita di dalam Dewan yang mulia ini perlu berasas kepada fakta-fakta dan kita bukan bererti bahawa sama ada kita ada latar belakang kejuruteraan barulah kita layak untuk cakap mengenai perkara kejuruteraan. Kalau begitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak layak untuk bercakap mengenai perkara undang-undang, tidak layak bercakap mengenai perkara Perlembagaan dan banyak orang tidak layak berdiri bercakap di sini. Dan saya tidak mahu mengikut contoh itu. Kalau saya mengikut contoh itu saya akan kata bahawa seorang Menteri yang tidak hormat decorum Dewan ini bukan sahaja tidak layak menjadi Menteri, tidak layak menjadi Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Kita mahu bincang, bukan mahu buat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Kita mahu bincang perkara ini iaitu perkara yang kita mahu timbul yang ada berhubung dengan kepentingan orangramai mengenai adakah Jambatan Pulau Pinang yang berharga \$850 juta kalau tidak salah saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, macam mana Jambatan Pulau Pinang masuk di sini. Saya tidak fikir ada.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai tatakelakuan, kesusilaan profesional mengenai Jurutera dan ini baru membayangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jurutera tempatan.

Tuan Lim Kit Siang: Jurutera tempatan atau luar atau firma-firma yang menjalankan kerja-kerja kejuruteraan di negara kita oleh kerana kes ini akan dibayangkan dalam kerja-kerja kejuruteraan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita bukan bahas dalam vacuum. Jurutera untuk apa? Untuk register sahaja, untuk menjalankan kerja-kerja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu perkara Jurutera tempatan, jangan sentuh perkara Jambatan Pulau Pinang.

Tuan Lim Kit Siang: Jambatan Pulau Pinang pun ada kaitan oleh kerana ada Jurutera-jurutera tempatan yang terlibat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan, itu tidak relevant. Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya timbulkan perkara ini dan saya mahu tanya kenapa tidak relevant?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah kata, itu tidak relevant (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kita bincangkan Akta

Pendaftaran Jurutera dan perkara ini, saya percaya Yang Berhormat Menteri pun berani jawab. Dia pun ada fakta-fakta, kita bukan lari dari apa-apa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu perkara lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itu perkara kejuruteraan. Saya berharap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kaji semula, oleh kerana kalau kita tidak boleh bincang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, teruskan. Jangan sentuh.

Tuan Lim Kit Siang:itulah hujjah-hujjah saya sebelum satu keputusan dibuat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Benarkan saya habiskan hujjah-hujjah saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan, sila patuhi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua tidak patut buat keputusan sebelum mendengar hujjah-hujjah saya. Dalam mahkamah pun ada rule of natural justice. Yang Berhormat pun ada tahu rule of natural of justice.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Takut!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apabila saya sudah buat satu keputusan, jangan menyoal keputusan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tahu apa asasnya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan. Saya kata ini perkara Jambatan Pulau Pinang tidak kena mengena dengan Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan). Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kita mahu tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan dengan apa-apa yang lain yang mahu disebut.

Tuan Lim Kit Siang: Baik, di sini saya sebut bahawa Fasal 12 (f) bertujuan memasukkan perenggan baru untuk mengadakan alasan-alasan tambahan di mana pendaftaran seseorang jurutera boleh dibatalkan atau gantung oleh Lembaga. Atas apa? Saya percaya kalau cuai, semacam cuai dalam Penang Bridge, kalau ada kecuai, ini ada bersangkutan-paut, tentu ada bersangkutan-paut (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perkara berapa itu Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Ini dalam Huraian, perenggan 10, "Fasal 12 (f) bertujuan memasukkan perenggan baru (i) hingga (o) kepada sub-seksyen (1), seksyen 15 Akta untuk mengadakan alasan-alasan."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Muka berapa itu Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Muka 19, ".mengadakan alasan-alasan tambahan di mana pendaftaran seseorang jurutera."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Paragraph mana?

Tuan Lim Kit Siang: Paragraph 10, mengenai Fasal 12. Saya rasa ini bukan satu perkara yang aneh. Nanti

Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Dia pun ada hujah-hujah. Tetapi ini atas perkara yang tepat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini saya biarkan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, silakan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan ucapan dan jangan sentuh perkara Penang Bridge (*Disampuk*).

Tuan Lim Kit Siang: Saya timbulkan perkara ini bukan oleh kerana ini tidak relevant. Ini relevant. Saya harap demi kepentingan orang ramai, bukan oleh kerana "vendatta" yang nampak akan berbangkit antara Yang Berhormat Menteri dengan saya—saya tidak ada "vendatta". Saya pun tidak faham kenapa semalam berlaku perkara ini. Tetapi ini satu perkara demi kepentingan orang ramai dan saya percaya orang ramai pun mahu dengar apa Yang Berhormat Menteri boleh jawab nanti. Jambatan Pulau Pinang ada bersangkutan paut dengan mutu kejuruteraan, saya ada kata, bukan untuk menimbulkan alarm, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi oleh kerana itu satu perkara demi kepentingan orang ramai bahawa adalah defect dalam pile cap dan pile.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Saya baca Peraturan Mesyuarat 43:

"Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara

peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian.”

Saya sudah buat satu keputusan. Saya minta Yang Berhormat, sila jangan cabar keputusan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada rujuk kepada perenggan 10 dalam Huraian pendaftaran kejuruteraan, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak mencabar keputusan saya, hantarliah satu usul persendirian.

Tuan Lim Kit Siang: Apa guna usul persendirian, kalau masa tidak diberikan. Kalau boleh buat satu jaminan masa akan diberikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Substantive motion.

Tuan Lim Kit Siang: Yes, substantive motion—48 jam akan diberi, saya akan kemukakan—boleh beri jaminan? (*Tepuk*) Tidak guna bercakap beri substantive motion.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Jaminan masa dikhaskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 43, Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah tergantung ke atasnya menjaga supaya peraturan Majlis Mesyuarat.

Seorang Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point of order.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Itu sudah jelas. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia menyebut Peraturan Mesyuarat 43, tidakkah Yang Berhormat mendengar?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah untuk menjaga tatatertib dan keharmonian masyarakat. Kalau sudah peraturan ini dicabar dan Tuan Yang di-Pertua dicabar, ertinya memang mereka ini tidak faham dan tidak erti. Macam mana hendak jalankan mesyuarat, keluarkan sahaja dari Dewan ini! (*Disampuk*)-(*Boo! Boo!*).

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order yang sama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal “boo-boo”, tetapi soal macam haiwan ini. Ini kita mesyuarat. Gunakan akal, budi bicara.

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: Tarik balik ucapan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai peraturan.

Tuan Sim Kwang Yang: Peraturan Mesyuarat ini ialah berkaitan dengan keharmonian Dewan yang mulia ini.

Tetapi Peraturan Mesyuarat ini juga memberi peruntukan supaya keputusan Tuan Yang di-Pertua dapat, bukan dicabarkan, tetapi dibincangkan secara satu substantive motion.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Betul.

Tuan Sim Kwang Yang: Dan ini bukan cabaran, ini untuk mendapat penjelasan sahaja supaya fahaman yang lebih.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sim Kwang Yang: Duduklah!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat itu bukan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua sudah beri saya chance.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah jadi keputusan.

Tuan Sim Kwang Yang: Belum habis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:keputusan Tuan Yang di-Pertua. Jadi kenapa kita mesti mencabarnya?

Tuan Sim Kwang Yang: Saya pun belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.....

Tuan Sim Kwang Yang: Saya belum habis lagi.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya pun belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tengok siapa? Duduklah.

Tuan Sim Kwang Yang: Dia teruskan, saya tidak dapat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya teruskan, awak duduklah. Kenapa tidak duduk lagi. Tidak ertikah?

Tuan Sim Kwang Yang: Bukan, bukan, saya belum habis.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia suruh saya sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat. Habiskan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Marang tidak bererti dan tidak perlu ditimbangkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah habis (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.....

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat telatah rakan-rakan kita ini adalah seolah-olah merendah-rendahkan taraf seorang Yang di-Pertua Dewan. Ini saya kira sudah melampaui batas.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order. Apa peraturan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini sudah diputuskan. Apa lagi yang hendak dilawan?

Tuan Lim Kit Siang: Dan fasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia sudah menyebut 43.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Fasal 43 ini sudah jelas.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi sudah cakap?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Buka buku, baca.

Tuan Lim Kit Siang: Dia sudah habis.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jangan kita bercakap dengan perasaan. You better sit down, dengan izin.

Tuan Lim Kit Siang: Aya! (*Ketawa*) (*Boo!*)

Dato' K. Pathmanaban: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, silakan.

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat 41 (*a*) Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat mengambil perhatian yang berat tentang peruntukan 41 (*a*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 40?

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat 41 (*a*) iaitu semua ahli hendaklah masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan dengan tertib yang adab, bukan macam kumpulan yang tidak tahu tertib dan adab seperti yang dibuat tiga kali tadi dalam Dewan ini (*Tepuk*) mengenai keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sangat senang. Saya mahu bertanya, adakah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau you kerjasama, senang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya kerjasama (*Ketawa*). Saya bincang dalam—saya pun tidak faham lagi kenapa perkara hari ini lagi mahu timbul.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya hendak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila patuhi, kalau you ada apa-apa, you boleh bincang dengan cara lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini ialah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya, adakah kerosakan Penang Bridge satu perkara yang haram, sensitif, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak relevant.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak relevant—saya rasalah ini kita mahu jadi benda ketawa negara kita. Itulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu terulanglah.

Tuan Lim Kit Siang: Kita sendiri semua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kita semua malulah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan bincang perkara itu, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Saya harap bahawa apabila kita bincang mengenai mutu kejuruteraan janganlah kita takut bincang kalau apa-apa kerosakan—projek-projek raksaksa pun jangan takut. Kalau tidak ada apa-apa untuk jawab, barulah takut. Saya percaya Yang Berhormat Menteri tidak takut.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tidak!

Tuan Lim Kit Siang: Ada takut?

Dato' S. Samy Vellu: Bila-bila pun boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa tidak setuju saya cakap. Kenapa tidak setuju saya cakap dengan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat pandang kepada saya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tetapi takut, takut. Sebab itu tidak mahu saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kenapa pula beliau cakap soal takut-takut. Bincanglah soal-soal.

Tuan Sim Kwang Yang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of orderkah atau minta penjelasan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta penjelasan. Apa pula bercakap fasal Perdana Menteri takut?

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini, saya belum bagi kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada berikah tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum beri. Saya tidak mahu beri kepada orang yang keriau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! (*Tepuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tidak mahu beri kepada orang yang keriau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Dia duduk, bukan saya duduk (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk! Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Dato' K. Pathmanaban: Point of order. Saya merujuk Tuan Yang di-Pertua kepada 41 (*a*), tetapi, Tuan Yang di-Pertua tidak membuat apa-apa keputusan kerana saya lihat mereka ini mengulangi tabiat yang tidak diingini dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak mengapa. Teruskan.

Tuan P. Patto. Apa tabiat?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 41.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang menggunakan perkataan-perkataan.

Dato' S. Samy Vellu: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order!

Tuan Lim Kit Siang: Orang yang menggunakan perkataan-perkataan "haiwan" sudah melanggar Peraturan Mesyuarat 41 (*a*), ya!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Kit Siang: Siapa yang berdiri.

Dato' S. Samy Vellu: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 41 (*a*).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S. Samy Vellu: Peraturan Mesyuarat 41 (a) sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (D. P. Vijandran): Yang Berhormat, nanti sekejap. Apabila on a point of order, sila duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Beliau sendiri sudah duduk, sebelum saya duduk, beliau sudah duduk, saya mahu tahu dia sebenarnya mahu berdiri atau tidak mahu berdiri, dia pura-pura sahaja sudah duduk (*Ketawa*) nanti buang masa berdiri duduk—berdiri duduk.

Dato' S. Samy Vellu: Peraturan Mesyuarat 41 (a).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat sila duduk, apa point of order?

Dato' S. Samy Vellu: Seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong seorang peguam tadi, kita tidak boleh menggunakan perkataan "haiwan" dalam Dewan—betul, bolehkah kita kata seorang Menteri "AIDS"?

Tuan Lim Kit Siang: Itu mahu hujah dengan saya, saya. . . .duduk!

Dato' S. Samy Vellu: Saya mahu tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti saya duduk sana, saya jawab (*Ketawa*).

Dato' S. Samy Vellu: Saya bertanya kepada Yang Berhormat Tuan Speaker.

Tuan Lim Kit Siang: Oh!

Dato' S. Samy Vellu: Saya tahu, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tidak tahu siapa akan bertanggungjawab untuk ini, malulah!

Tuan Lim Kit Siang: Semalam sudah malu!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Yang Berhormat—Yang Berhormat, saya minta kerjasama kepada semua pihak jangan teruskan kelakuan begini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Oh! ada lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, bangun dahulu, tunggu saya, apabila saya beri peluang, baru boleh berucap, jangan berdiri dan berucap terus. Yang Berhormat dari Tanjong, sila teruskan. Saya beri lagi 5 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak payah 5 minit.

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh.

Dato' S. Samy Vellu: Saya suka mendapat tahu daripada Ahli Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Dato' S. Samy Vellu:.....adakah apa yang telah berlaku semalam ada berkaitan dengan Engineers Act seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, dia kata "sudah malu semalam", jikalau mahu dan Yang Berhormat suka membincang perkara yang berbangkit semalam, saya cabar Yang Berhormat katakan sekali lagi, apa you kata di luar Dewan ini, saya jumpa Yang Berhormat. Beranikah atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan! Saya ingat Yang Berhormat kurang faham, Yang Berhormat tadi (*Ketawa*).....

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tadi menafi ada berkaitan begitu, bukan?

Tuan Lim Kit Siang: Sebenarnya tadi apa yang saya kata ialah oleh kerana berbangkit dari apa Yang Berhormat Menteri mengatakan dalam masa Soal Jawab, bahawa saya tidak layak untuk buat tuduhan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soal jawab hari ini?

Tuan Lim Kit Siang:.....mengenai Jambatan Pulau Pinang, dan saya kata, kalau saya mahu ikut hujah-hujah bahawa orang ini, orang itu, tidak layak, saya akan kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada 3½ minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Boleh—bahawa seorang yang berkelakuan tidak hormat, “decorum” saya kata tidak layak menjadi Menteri dan tidak layak juga menjadi Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah ulangi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu jawab, sebab dia tanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah buat keputusan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tanya, saya ulang.

Dato' S. Samy Vellu: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada.

Tuan Lim Kit Siang.saya akan beri penjelasan dengan syarat saya boleh bercakap berkenaan dengan Jambatan Pulau Pinang. Kalau tidak, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu bukan penjelasan!

Dato' S. Samy Vellu: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: *Duduk!*

Dato' S. Samy Vellu: Itu bukan kawasan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Itu saya mahu.

Dato' S. Samy Vellu: Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Boleh bincang dengan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S. Samy Vellu: Takut!

Tuan Lim Kit Siang: Itu perkara yang saya mahu tahu.

Dato' S. Samy Vellu: Kali yang pertama.

Tuan Lim Kit Siang: Ini saya mahu berucap, kenapa takut!

Dato' S. Samy Vellu: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong takut!.....Takut!.....Takut!

Tuan Lau Dak Kee: Ini beliau mencabar.

Dato S. Samy Vellu: Cabarlah!

Tuan Lau Dak Kee: Apa makna ini? (*Disampuk*)

Dato' S. Samy Vellu: Mahu challenge apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak benarkan siapa pun bangun, duduk! Yang Berhormat ada 3 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan mengganggu apa-apa.

Tuan Lim Kit Siang:ya, dan saya boleh kata di sini bahawa apa yang saya tidak boleh cakap sekarang, saya boleh cakap lagi dalam Dewan yang mulia ini dan ini mustahak oleh kerana kita mahu bertanggungjawab, apabila orang buat tuduhan mahu berani untuk menjawab. Kerosakan-kerosakan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat rujuk kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan), Penang Bridge—kejuruteraan, tidak boleh lari daripada itu, Penang Bridge—kejuruteraan.

Apa yang kita mahu ialah satu penjelasan!

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point of order.

Tuan Chua Jui Meng: On a point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Dua minit pun mahu kacau!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): On a point of order, duduk Yang Berhormat!

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua terlalu sabar dengan hal ini. Point of order mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (1), kalau:

“.....seseorang ahli yang berdegil-degil menyebutkan perkara yang tidak ada kena-mengena dengan

perkara mesyuarat atau berulang-ulang menyebutkan hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, boleh memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap.” (*Tepuk*)

Tuan Sim Kwang Yang: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Saya sedar Yang Berhormat, tetapi belum sampai ke tahap itu lagilah (*Tepuk*). Kalau begitu boleh jadi sampai (*Ketawa*). Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah Ahli MCA baru pandai, mahu halau orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Jangan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:.....dia mahu halau orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan dengan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, dia interrupt, saya mahu komen. Saya ada hak komen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu on a point of order.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order, dia mahu halau orang. Nanti dia dihalau oleh rakyat (pengundi) sendiri (*Tepuk*). Saya harap sungguhpun saya tidak boleh berucap nanti Yang Berhormat Menteri akan memberi penjelasan-penjelasan dan kalau tidak puas hati saya akan balik ke Dewan ini dalam Budget kemukakan perkara atau point yang sama dan sungguhpun.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan Lim Kit Siang:.....dan sungguhpun saya menerima keputusan

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bersetuju, saya rasa keputusan itu salah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuantan.

4.28 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyertai debat tentang Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan).

Saya tidak bertujuan untuk bercakap panjang, tetapi saya bertumpu sahaja kepada Fasal 12. Saya rasa tujuan pindaan Fasal ini adalah baik iaitu kita ingin mengawal dan mengawas, sekiranya berlaku apa-apa penyelewengan ataupun kegiatan yang tidak sihat di pihak profesional jurutera ini. Jadi, apabila kita mendengar Yang Berhormat dari Tanjong menyebut tentang perkara ini dan dikaitkan dengan soal Jambatan Pulau Pinang, saya percaya Yang Berhormat itu walaupun kita memperkatakan tentang Lembaga Arkitek, ataupun Lembaga apa sahaja yang berkaitan dengan pembinaan, soal yang sama akan disebutkan juga, tetapi walau bagaimanapun tujuan dan niat kita yang baik terhadap profesional jurutera ini, saya rasa kita tidak lari daripada hakikat bahawa masih ada walaupun 1 dalam 100 perbuatan-perbuatan profesional jurutera ini yang didapati tidak sesuai dengan profesyen mereka. Saya rasa itulah inti, itulah juga semangat mengapa pindaan ini terutama Fasal 12 itu hendak dipinda.

Saya percaya pindaan ini bukan datang daripada kekosongan atau bukan datang daripada vacuum, kalau saya boleh pinjam perkataan Yang Berhormat dari Tanjong itu. Tentu sekali saya rasa pindaan ini

disebabkan oleh amalan-amalan yang telah berlaku selama ini di dalam profesyen kejuruteraan itu sendiri.

Kalau saya kaitkan dengan profesional jurutera ini dengan satu profesion lain umpamanya arkitek tentu sekali ia ada kaitan yang kuat kerana di dalam sebarang pembinaan baik jambatan, baik bangunan sendiri pun kelulusan atau certificate mereka tentu sekali dikira sebagai berkesan untuk dibayarkan oleh pihak pembina ataupun pemaju. Jadi, dalam soal bayaran yang diluluskan oleh pihak professional seperti jurutera yang juga kadang-kadang ada kaitan dengan arkitek di dalam sesuatu pembinaan, saya percaya ini adalah suatu yang serius kerana kalau pemaju itu tidak membayar ianya akan didapati salah dan boleh dikemukakan kepada mahkamah. Itulah saya rasa rationale di sebalik Fasal 12 yang hendak dipindahkan ini.

Jadi, saya rasa, saya tidak mahulah panjang-panjangkan perkara ini, saya tidak mahu ungkit perkara seperti Jambatan Pulau Pinang itu tetapi saya hanya ingin merakamkan sokongan saya yang sepenuhnya terhadap Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan) ini terutama sekali Fasal 12 yang saya perikatakan pada waktu ini. Jadi, dengan itu, saya ucapkan berbanyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.32 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah minta kebenaran daripada mereka untuk adjust seluar saya (*Ketawa*).

Saya bangun, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Ahli Yang Berhormat dengan penuh decorum iaitu Yang Berhormat

dari Petaling Jaya. Saya katakan syabas kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih.

Dato' S. Samy Vellu: Saya suka memberi jawapan kepada beliau dengan sepenuh-penuhnya, sebab beliau tahu apakah dia decorum dalam Dewan ini. Dialah seorang daripada Pembangkang yang mempunyai banyak pengalaman, walaupun dia seorang ahli baharu masuk ke dalam Dewan yang mulia ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila teruskan dengan jawapan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan komen mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian saya semasa membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan) 1986. Adalah saya sekarang dengan hormat dan sukacitanya menjawab ke atas pandangan dan komen yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya semasa membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan) 1986 telah menyentuh beberapa perkara yang ada berkaitan dengan tanggungjawab Kementerian ini khususnya mengenai projek-projek raksaksa yang menggunakan jurutera asing. Beliau merasa tidak puas hati atas kegunaan jurutera asing tersebut oleh kerana pada masa ini terdapat lebih kurang 500 graduan-graduan jurutera tempatan yang menganggur. Dalam perkara ini beliau telah menyoal dasar Kerajaan mengenai penggunaan jurutera-jurutera asing dalam projek raksaksa itu, sama ada penggunaannya mencerminkan tidak keyakinan ke atas mutu graduan-graduan jurutera universiti-universiti tempatan. Beliau juga telah menyoal

kesesuaian Dasar Pandang ke Timur di dalam konteks keadaan kemelesetan ekonomi sekarang. Meneliti empat tahun kebelakangan ini, beliau mendapati empat projek raksaksa seperti Jambatan Pulau Pinang, Dayabumi, projek Lebuhraya dan projek bekalan air luar bandar yang kesemuanya berjumlah lebih kurang \$6 billion yang mana adalah diberi kepada syarikat-syarikat asing.

Adalah tidak benar kenyataan Yang Berhormat itu mengenai mutu graduan jurutera-jurutera tempatan tidak setanding dengan jurutera-jurutera asing. Saya percaya dan dapati bahawa jurutera-jurutera tempatan sememangnya setanding dengan jurutera-jurutera dari luar negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih daripada 90% projek-projek kejuruteraan di dalam negara ini adalah dikendalikan oleh jurutera-jurutera tempatan sendiri. Perkhidmatan jurutera-jurutera luar negeri ataupun perunding-perunding dari luar negeri telah hanya digunakan untuk projek-projek besar yang memerlukan kepakaran tertentu yang mana kepakaran itu belum diperolehi di dalam tanahair kita. Projek-projek tersebut adalah seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Jambatan Pulau Pinang, projek Dayabumi dan juga projek-projek Lebuhraya yang lain.

Mengenai Jambatan Pulau Pinang yang berharga \$850 juta, projek ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat tidak payahlah menyentuh kepada perkara itu. Saya sudah buat keputusan.

Dato' S. Samy Vellu: Tetapi perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat semalam yang mana adalah Tuan Speaker membenarkan saya menjawab ataupun tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan.

Dr Eng Seng Chai: Saya minta Tuan Yang di-Pertua izinkan Yang Berhormat Menteri menjawab soalan-soalan dan aduan-aduan saya berkenaan dengan projek itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan. Sila patuhi. Teruskan Yang Berhormat.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara berkenaan dengan jurutera-jurutera ada sedikit berkaitan di dalam Rang Undang-undang ini iaitu jurutera-jurutera asing dan juga jurutera-jurutera tempatan, sebab itu saya harap dengan kebenaran Yang Berhormat Tuan Speaker, saya suka menjawab berkenaan dengan jurutera-jurutera asing dan juga jurutera-jurutera tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita suka menggunakan rekabentuk-rekabentuk khas baharu sahajalah kita menggunakan jurutera-jurutera asing. Jikalau ada juga perkara-perkara berkenaan dengan kebiasaannya dalam rekabentuk kita menggunakan jurutera-jurutera di dalam tanahair kita. Walaupun saya tidak suka menyebut nama projek itu mengikut dengan Akta ini, mengenai projek-projek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat semalam, saya suka menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa banyak di antara jurutera-jurutera tempatan mendapat beberapa banyak kerja-kerja perunding daripada Kerajaan kita tetapi sampainya untuk menjawab seperti aduan-aduan yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mereka tutup mulut, malu jurutera yang ada dalam tanahair ini.

Bila tidak dapat kerja, mereka membangkitkan; bila dapat kerja, bila dapat untung, bila dapat hasil daripada projek-projek Kerajaan, diam sahaja mulutnya. Bila tidak dapat sahaja, mereka bangkitkan, mereka bagi information di sana, di sini dan minta mengapa mereka tidak dapat peluang. Tetapi saya berjanji kepada Yang Berhormat, projek-projek seperti apa yang saya katakan tadi semuanya kita bagi kepada jurutera-jurutera yang sedia ada di dalam tanahair kita. Itu sahajalah jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sebab perkara-perkara yang lain ada juga kaitan dengan projek Jambatan Pulau Pinang dan lain-lain dan saya tidak suka membangkitkannya di sini, sebab Yang Berhormat Tuan Speaker tidak membenarkan. Saya menghormati Tuan Speaker; Ahli-ahli dari Barisan Nasional selalunya menghormati Tuan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini (*Tepuk*).

Saya suka menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Nampaknya, Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah salah seorang ahli yang telah membincangkan perkara-perkara berkenaan dengan Rang Undang-undang ini mengikut dengan sempadan Rang Undang-undang, tidak keluar daripada sempadan itu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, within the perimeter of the Bill.

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab itu, saya suka menyentuh sedikit Seksyen baru 10A ialah untuk menghadkan jurutera-jurutera daripada luar negeri memasuki dalam tanahair kita melalui projek-projek besar, selepas mereka itu mendapat daftaran daripada Kerajaan dan sudah selesai projek mereka tidak mahu

balik ke negeri mereka. Dengan ini apabila telah selesai tugas-tugas itu saya minta dia keluar. Saya ada kuasa mengikuti dengan Undang-undang ini menulis kepada Imigeresen untuk mengeluarkan jurutera itu, jangan beri dia main-main dalam tanahair kita. Sebab itulah kita memperkenalkan Rang Undang-undang ini. Ada juga lain, Tuan Yang di-Pertua, iaitu. . . .

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Dato' S. Samy Vellu: Ya.

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam Dewan ini berkenaan ada jurutera-jurutera asing yang selepas tamat kontrak mereka itu, selepas kerjanya tidak ingin balik ke negeri asalnya, bolehkah sebutkan satu, dua contoh dalam Dewan ini.

Dato' S. Samy Vellu: Mengikuti dengan Peraturan, saya tidak boleh sebut nama, tetapi saya boleh akui, saya boleh beritahu kepada Ahli Yang Berhormat jikalau suka juga datang ke pejabat saya, jangan takut (*Ketawa*), bila-bila Yang Berhormat suka, sila datang ke pejabat saya. Ini bukan bererti. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Apa ini?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya takut jikalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji datang ke pejabat saya, Yang Berhormat dari Tanjong mengambil tindakan, itu sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan takut, saya tidak pernah takut, dan saya tidak takut.

Dato' S. Samy Vellu: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli dari Pasir Pinji, banyak daripada jurutera-jurutera atau pakar-pakar perunding dari luar negeri mengikuti dengan ikatan

kontrak untuk membuat reka-bentuk kepada projek datang ke negara kita dan atas nama projek itu mereka menerima daftaran. Apabila sudah dapat daftaran itu kita tidak boleh membatalkan daftaran tanpa apa-apa kesalahan.

Jikalau ada kesalahan berlaku oleh Jurutera itu barulah kita boleh mengambil tindakan. Akta yang ada sekarang akan memberi kebenaran kepada jurutera-jurutera itu untuk meneruskan tanggungjawab mereka dalam tanahair ini. Saya harap dengan Akta baru ini kita boleh menghadkan perkara itu. Itulah penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menyoal berkenaan dengan bilangan jurutera di dalam tanahair kita. Saya suka menjawab Ahli Yang Berhormat bilangan jurutera pada masa kini telah meningkat dan bilangan sekarang adalah 18,000 jurutera-jurutera professional khas untuk mentadbirkan rekod-rekod dan pentadbiran telah meningkat juga. Oleh itu, Lembaga Jurutera terpaksa menaikkan bayaran pendaftaran untuk menyambung kos pentadbiran ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah membangkitkan satu perkara mengenai Fasal 14. Fasal 14 mengapakah Lembaga suka mempunyai harta-harta. Lembaga perlu mempunyai harta-harta sendiri untuk mendapat kakitangan Lembaga dan juga rekod-rekod mengenai jurutera yang berdaftar dengan Lembaga itu dan juga saya suka memberi sedikit penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat, Lembaga sedang menjalankan pemeriksaan kepada jurutera-jurutera dalam tanahair kita. Sebab itu Lembaga mesti mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih, mempunyai lebih kemudahan untuk memberi ajaran kepada juruteknik yang mana

masa depan mereka boleh menjadi jurutera. Itulah tujuan untuk mengadakan harta sebagai tanah dan bangunan-bangunan.

Saya harap Yang Berhormat boleh menyokong seperti saya kata tadi. Satu perkara lagi berkenaan dengan Fasal 10 (a), rayuan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mendapatkan keputusan muktamad adalah difikirkan cukup wajar untuk kes-kes rayuan daripada jurutera-jurutera.

Saya suka memberi jaminan kepada Dewan ini sebagai seorang professional sendiri, saya tidak mahu seorang professional mengenakan denda atau pendaftaran mereka akan membatalkan atau lain-lain tanpa apa-apa kes atau apa-apa justification di atas perkara ini. Sebab itulah perkara ini masuk dalam kuasa Yang Berhormat Menteri sekarang mengenai dengan itu.

Dan ada juga satu perkara yang lain peruntukan seksyen baru 10A adalah untuk mendaftarkan jurutera asing sahaja. Peruntukan di bawah 10A ini adalah lain daripada pendaftaran biasa di bawah Fasal 10A.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat, satu atau dua orang telah membangkitkan perkara-perkara berkenaan dengan Akta ini tetapi saya harap daripada jawapan saya mereka sudah pun mendapat jawapan yang lebih sewajarnya kepada soalan-soalan mereka. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 19—

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Pengerusi, cuma satu saya hendak bangkitkan untuk mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa iaitu berkenaan dengan perkara rayuan. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa untuk jurutera-jurutera asing yang ingin memohon pendaftaran sementara sekiranya permohonan tidak dapat diluluskan, beliau boleh membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri.

Apa yang saya hendak bertanya ialah mengapa hak rayuan-rayuan ini tidak dapat juga disampaikan kepada pertubuhan perbadanan ataupun, body corporate, dengan izin, yang menjalankan amalan sebagai jurutera perunding apabila mereka mengangap bahawa sesuatu keputusan yang dibuat oleh Lembaga adalah tidak adil, mengapa pertubuhan perbadanan ini tidak diberi hak untuk merayu kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, apabila Badan itu telah mengambil keputusan untuk menghadkan perkhidmatan jurutera itu di dalam tanahair kita, jikalau pemohon itu suka merayu, beliau tidak boleh menyampaikan kepada Badan yang sama juga. Beliau mesti memohon kepada Yang Berhormat Menteri yang mempunyai kuasa untuk menimbangkannya. Kita tidak boleh beri perkara itu kepada Badan yang telah memberi keputusan itu. Sebab

keputusan itu dihadkan oleh Yang Berhormat Menteri jadi keputusan yang terakhir.

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PETROLEUM (LANGKAH-
LANGKAH KESELAMATAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.50 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, iaitu Akta Ibu kepada Rang Undang-undang ini, telah di luluskan oleh Dewan yang mulia ini pada 6hb April, 1984 dan oleh Dewan Negara pada 24hb April, 1984 serta telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 27hb Jun, 1984. Akta ini telah dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat mulai 1hb Mac, 1985 dan telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1hb Julai, 1986.

Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 ini, telah digubal untuk menggantikan Undang-undang Petroleum Ordinance, 1949 dan Petroleum Ordinance, 1960 (Sabah) yang didapati telah menjadi tidak sesuai dengan keadaan perkembangan

industri petroleum yang, dengan izin, "sophisticated" dan kompleks di negara ini. Di samping itu ianya diwujudkan bagi menyatukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang masih lagi terpakai supaya dapat menjamin langkah-langkah keselamatan dalam industri petroleum. Undang-undang yang ada sebelum ini tidak meliputi aktiviti-aktiviti dan bidang-bidang baru dalam perkembangan industri petroleum negara ini dan juga pertambahan dalam penggunaan bahan-bahan petroleum yang lebih merbahaya seperti gas asli dan gas petroleum cecair (LPG). Akta baru ini juga memberi kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebagai Menteri yang bertanggungjawab mengenai petroleum, untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi menjamin keselamatan di dalam industri petroleum.

Untuk melicinkan pelaksanaan Akta ini peruntukan telah dibuat di mana Menteri berkenaan boleh membuat beberapa peraturan bagi menjamin keselamatan industri petroleum. Buat masa ini beberapa peraturan telah pun diwujudkan dan dikuatkuasakan sementara beberapa peraturan lagi yang lain sedang dalam penyediaan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan perkataan "seksyen" pada seksyen 5 (2), Bahagian II Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan), 1984 dipinda kepada "Bahagian". Pindaan ini bertujuan bagi mengelakkan kekeliruan yang timbul dan menentukan pelaksanaan penguatkuasaan Akta ini dengan lebih berkesan.

Bahagian II kepada Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984 memperuntukkan tiga (3) seksyen bagi mengawal aktiviti pengangkutan petroleum melalui jalanraya dan keretapi. Seksyen kepada Bahagian ini memberi peruntukan di mana Menteri

boleh membuat peraturan-peraturan bagi pengangkutan petroleum melalui jalanraya dan keretapi bagi menjamin keselamatan orang dan harta-benda serta mengawal dan membenarkan worksyop-worksyop bagi penukaran, pemasangan, penyesuaian dan penambahan sistem bahan/bakar gas petroleum cecair bagi kenderaan bermotor. Sementara seksyen 5 (2) pula memberi peruntukan penalti kepada pelanggaran Bahagian ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya seperti berikut:

“Jika mana-mana orang melanggar mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini atau mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah seksyen ini dia adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan, dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada seribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan”.

Seperti diperhatikan peruntukan seksyen 5 (2) hanya menyatakan seseorang itu akan didenda kerana melanggar mana-mana peruntukan dalam Bahagian ini atau mana-mana peruntukan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 5, sedangkan seksyen ini tidak memberi peruntukan Menteri membuat peraturan-peraturan. Oleh itu mana-mana pelanggaran peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 4 tidaklah merupakan satu kesalahan kerana perkataan “seksyen” kepada seksyen 5 (2) seperti di atas hanya merujuk kepada pelanggaran-pelanggaran kepada seksyen 5 sahaja. Keadaan yang sedemikian ini tidaklah menepati hasrat sebenar bagi peruntukan penalti di Bahagian ini, sebagaimana

peruntukan seksyen 3 Bahagian ini yang berbunyi:

“Tiada seseorang boleh menghantar apa-apa petroleum melalui jalanraya atau keretapi kecuali mengikut Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.”

Adalah jelas menunjukkan bahawa hasrat penalti seperti yang dinyatakan di dalam seksyen 5 (2) Bahagian ini juga bermaksud bagi meliputi sebarang pelanggaran kepada apa juga peraturan-peraturan yang dibuat oleh Menteri di bawah peruntukan-peruntukan lain di Bahagian ini. Oleh itu untuk memastikan keberkesanan penguatkuasaan Akta ini dicadangkan supaya perkataan “seksyen” yang terdapat pada peruntukan seksyen 5 (2) digantikan kepada “Bahagian” dan seksyen ini sekarang berbunyi seperti berikut:

“5 (2) Jika mana-mana orang melanggar mana-mana peruntukan yang dibuat di bawah Bahagian ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Bahagian ini, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan mengenai sesuatu kesalahan yang berterusan, dia boleh dikenakan denda tambahan tidak lebih daripada seribu ringgit bagi tiap-tiap satu hari atau sebahagian daripada satu hari yang kesalahan itu berlaku atau berterusan selepas hari pertama yang berkenaan dengannya sabitan itu direkodkan”.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya, pindaan terhadap Akta ini adalah merupakan pindaan yang bukan substantif. Tujuan pindaan ini adalah untuk memperkemas keberkesanan penguatkuasaan Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) 1984, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN WANITA DAN GADIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.01 ptg.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon

mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dibacakan pada kali yang kedua.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini tujuan utama Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 ialah di antara lain untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada kaum wanita di bawah umur 21 tahun yang mudah dianiaya dan didedahkan kepada bahaya moral atau telah digunakan bagi maksud pelacuran. Akta tersebut telah berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia pada 1hb September, 1973, di Negeri Sabah pada 1hb Julai, 1981 dan di negeri Sarawak pada 1hb Mac, 1983.

Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan Akta tersebut. Cadangan pindaan-pindaan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa masalah dan kelemahan yang telah dikenalpasti melalui pengalaman Kementerian saya dalam Akta induknya iaitu Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Di antara masalah dan kelemahan tersebut ialah pertama, Akta tersebut di antara lain memperuntukkan bahawa seseorang wanita di bawah umur 21 tahun yang tidak berkahwin dan didapati telah didedahkan kepada bahaya moral atau telah menjadi pelacur boleh ditahan di bawah perintah Mahkamah untuk diberi perlindungan dan pemulihan. Sehubungan dengan peruntukan ini masalah yang telah ditimbulkan ialah terhadap golongan isteri. Walaupun pada hakikatnya seorang suami adalah bertanggungjawab terhadap isterinya, Kementerian saya telah mengenalpasti beberapa kes di mana isteri-isteri telah digalak, didesak ataupun dipaksa oleh suaminya sendiri untuk menjadi pelacur. Di antara tahun 1981 hingga 1985 umpamanya seramai 155

daripada 1,751 kes didapati melibatkan isteri seumpama itu. Walaupun isteri-isteri tersebut telah didapati memerlukan perlindungan tetapi mereka terpaksa dilepaskan oleh kerana Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 tidak merangkumi kumpulan ini.

Masalah yang kedua adalah berkaitan dengan peruntukan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 yang menyebutkan bahawa seorang wanita yang diperintah ditahan dalam sesuatu tempat perlindungan terpaksa dibebaskan apabila ia meningkat umur 21 tahun atau telah berkahwin. Peruntukan ini didapati tidak memuaskan oleh kerana ia telah menjejaskan usaha pemulihan Kementerian saya, sebab khususnya terhadap mereka yang tidak dapat ditahan sekurang-kurangnya bagi tempoh tiga tahun.

Masalah yang ketiga, menyentuh peruntukan mengenai seliaan lanjutan. Akta Perlindungan dan Gadis 1973 memperuntukkan supaya seseorang wanita yang tamat sesuatu program pemulihan dan apabila dikeluarkan daripada tempat perlindungan harus diberi seliaan lanjutan bagi tempoh setahun. Tujuannya ialah untuk membantu seorang wanita itu menyesuaikan dirinya sebelum ianya diserapkan ke dalam masyarakat.

Walau bagaimanapun, mengikut Akta tersebut seliaan itu terpaksa diberhentikan apabila seseorang wanita itu meningkat umur 21 tahun atau berkahwin. Peruntukan ini juga telah didapati kurang memuaskan oleh kerana dalam kes-kes seperti itu tempoh seliaan lanjutan terpaksa dipendekkan dan oleh hal yang demikian perkhidmatan seliaan tidak akan berkesan terhadap mereka yang terlibat.

Masalah yang keempat ialah berkenaan dengan peruntukan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973, mengenai seorang wanita yang telah

keluar tanpa kebenaran dari sesuatu tempat perlindungan di mana ia telah ditahan mengikut perintah mahkamah. Mengikut peruntukan yang sedia ada, seorang wanita tersebut yang keluar tanpa kebenaran dan dapat ditahan balik boleh ditahan semula cuma sehingga tarikh asal yang telah ditetapkan dalam perintah Mahkamahnya. Peruntukan ini juga telah didapati kurang memuaskan oleh kerana dalam kes seperti ini, usaha pemulihan telah terjejas, khususnya dalam kes-kes di mana masa seseorang wanita yang keluar tanpa kebenaran adalah terlalu panjang dan oleh itu baki tempoh tahanan tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan pemulihan yang berkesan.

Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 yang dibentang untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini adalah bertujuan mengatasi masalah-masalah yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Dengan yang demikian, pindaan yang telah dicadangkan adalah bertujuan seperti berikut:

- (i) Memperluaskan bidang liputan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, 1973 supaya merangkumi wanita yang di bawah umur 21 tahun sama ada mereka telah berkahwin ataupun sebaliknya. Dengan adanya peruntukan ini seseorang isteri di bawah umur 21 tahun yang digalak, didesak ataupun dipaksa oleh suaminya boleh juga diberi perlindungan dan pemulihan-pemulihan serupa seperti mereka yang belum berkahwin.
- (ii) Tempoh seseorang wanita yang ditahan dalam sesuatu tempat perlindungan atau di bawah seliaan mengikut perintah Mahkamah tidak akan disingkatkan atas sebab perkahwinan atau pencapaian umur 21 tahun. Dengan pindaan ini, tempoh pemulihan

yang diperlukan akan dapat ditetapkan tanpa gangguan supaya usaha pemulihan menjadi lebih berkesan.

- (iii) Tempoh seliaan lanjutan tidak akan disingkatkan atas sebab perkahwinan atau pencapaian umur 21 tahun supaya seliaan tersebut bagi seseorang wanita yang keluar daripada tempat perlindungan akan dapat diberi selama setahun tanpa gangguan; dan
- (iv) Dalam kes-kes di mana seseorang wanita telah keluar tanpa kebenaran daripada tempat perlindungan, tempoh penahanannya apabila ditahan balik akan dilanjutkan di satu tempoh selama ianya telah keluar supaya sesuatu tempoh pemulihan yang telah ditetapkan oleh perintah Mahkamah tidak akan terjejas.

Lain-lain pindaan dalam Rang Undang-undang tersebut adalah merupakan pindaan berbangkit dan tidak menyentuh soal dasar. Butir-butir lebih lanjut mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 boleh didapati dalam Huraian. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya dengan pindaan-pindaan tersebut Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, bukan sahaja dari segi mencegah kegiatan maksiat, bahkan juga akan memberi bantuan yang berkesan kepada kaum wanita yang benar-benar memerlukan perlindungan dan pemulihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986 dibaca pada kali yang kedua sekarang.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyekong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.10 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dan ingin saya menjelaskan pada permulaannya bahawa pindaan ini dialu-alukan dan bukan ini sahaja, sebarang undang-undang yang akan menganjurkan perlindungan kepada gadis dan wanita di negara kita harus dialukan kerana pada hemat saya dan pandangan DAP, pihak wanita mempunyai masalah-masalah besar yang kurang diberi perhatian yang cukup untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini dalam bulan yang lepas di Kuching, saya sendiri telah menangkap seorang gadis yang berumur hanya 16 tahun yang melacur dirinya bagi \$1.00 sekali (*Ketawa*) ketika gadis ini masih memakai school uniform. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat di sini merasa "amused", dengan izin, saya pada hari ini merasa amat menyedihkan bagaimana seorang gadis ini yang mungkin kurang waras berbuat demikian, saya tidak faham macam mana dia mahu berbuat demikian, dan sukacita saya melaporkan, kes ini telah diserahkan kepada Polis untuk penyiasatan lanjut. Saya harap mungkin Kementerian Kebajikan Masyarakat akan mengambil langkah selanjutnya. Butir-butir boleh didapati dari pejabat Central Police Station di Kuching.

Saya juga ada menghadapi satu kes lain, satu kes yang telah diselesaikan oleh Kementerian yang berkenaan di mana seorang gadis yang berumur 17 tahun dipaksa oleh bapanya sendiri untuk melibatkannya dalam urusan pelacuran, yang amat menyedihkan juga. Tetapi dia bernasib baik sedikit kerana laporan dibuat kepada Polis, satu keputusan didapati dari Mahkamah Tinggi dan gadis ini telah ditempatkan dalam "salvation army for the girls home", dengan izin, sekarang dia pun sudah mengikuti kursus tertentu dan sekarang boleh mengubahsuaikannya sendiri kepada kehidupan baru—dia bernasib begitu baik. Saya rasa mungkin ada banyak kes yang belum didedahkan, yang masih ada banyak kes gadis yang di "abused", disalahgunakan oleh pihak-pihak jenayah yang tertentu, termasuklah ibu-bapa gadis mereka, untuk tujuan yang tidak baik, untuk tujuan bagi mendapatkan pendapatan yang tidak adil, tidak patut.

Malangnya, Tuan Yang di-Pertua, mungkin kalau saya boleh, saya ingin mengesyorkan kepada Menteri berkenaan supaya menjalankan kajian yang lebih komprehensif untuk menentukan masalah pelacuran di antara kaum gadis yang belum mencapai umur 21 tahun. Saya tidak dapat peluang untuk mendapati semua maklumat dan angka-angka yang berkenaan, tetapi sejauh mana yang saya sedar hanya dua kajian telah dijalankan untuk mengkaji masalah pelacuran kanak-kanak atau "child prostitution". Saya harap sebelum keadaan ini menjadi lebih teruk, langkah yang berkesan boleh dijalankan supaya negara Malaysia tidak akan mencontohi apa yang berlaku di negara-negara jiran di mana pelacuran kanak-kanak menjadi satu "tourist attraction" ataupun satu ciri untuk menarik pelancong dari negeri luar.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat pada tahun 1974 ke atas wanita di pusat atau tempat perlindungan di Kuala Lumpur untuk menyiasat wanita-wanita, gadis-gadis, yang ditahan di tempat perlindungan itu. Kajian ini telah menentukan bahawa kebanyakan wanita Cina di pusat perlindungan ini terdiri dari kampung-kampung baru. Selalunya keluarga gadis itu besar, selalu miskin, 1/3 dari keluarga yang terpecah ataupun "broken homes", dengan izin. Dan kalau anak ini besar atau tua sedikit, beliau dipaksa untuk melacur diri untuk menyokong adiknya. Kebanyakan gadis ini juga tidak dapat mencapai tahap persekolahan yang tinggi—mereka belum pun habis Darjah 6 dalam sekolah rendah. Sejarah keluarga wanita dan gadis ini menunjukkan bahawa kebanyakan mereka juga disalahgunakan secara fizikal ataupun seksual dalam rumahtangganya sebelum mereka dapat lari dari keluarganya untuk mencari jalan lain, kehidupan lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian lain yang dibuat oleh Malaysian CARE ataupun "Christian Association for Relief", satu pertubuhan yang bukan agensi Kerajaan di mana kes 22 orang pelacur dikaji dan di mana satu perhubungan di antara penagihan dadah dan pelacuran sudah ditentukan. Daripada jumlah 22 orang wanita itu telah didapati bahawa 7 orang wanita ini menjadi penagih dadah sebelum mereka menjadi pelacur. Sepuluh orang daripadanya menjadi penagih dadah selepas mereka melibatkan diri dalam pelacuran dan 13 orang dari jumlah 22 orang itu, walaupun mereka tidak menjadi penagih dadah, tetapi mereka kerja—kalau boleh digunakan perkataan "kerja" ini—pelacuran, 13 orang itu menggunakan pendapatan dari "kerja" mereka untuk menyokong "pimps" yang menagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1982 di New York ada terdapat 120,000 orang pelacur yang umurnya di antara 12 tahun sehingga 17 tahun. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini harus mengambil perhatian lebih berat ke atas punca masalah sosial ini yang akan jadi lebih teruk dengan kemajuan negara kita yang kian membangun. Masalah ini tidak dapat dipersaingkan dengan masalah kemiskinan. Boleh ditentukan satu perhubungan yang tetap di antara masalah pelacuran kanak-kanak dengan masalah kemiskinan, khususnya di luar bandar, tidak kira kaum. Dan penyelesaian terakhirnya memanglah melalui rancangan untuk membangunkan sosio-ekonomi negara kita dengan tekanan ke atas agihan pendapatan yang lebih adil. Tetapi bagi tempoh atau jangka pendek mungkin—saya tak tahu sejauh manakah Kementerian Kebajikan Masyarakat akan berkuasa untuk menyelesaikan masalah ini—tetapi kalau boleh, lebih perhubungan erat harus diwujudkan di antara Kementerian ini dengan Kementerian Dalam Negeri oleh kerana fenomena pelacuran kanak-kanak ini selalulah terhubung dengan anasir-anasir jenayah ataupun “underworld” di mana “pimps” mengawal wanita itu—saya pun tak tahu apa perkataan Bahasa Malaysia bagi “pimps”

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): “Barua”lah!

Tuan Sim Kwang Yang: Barua, okay (*Ketawa*). Susahlah, kalau kami mahu bincang ke atas isu wanita itu banyak perkataan jadi “unparliamentary” (*Ketawa*), tetapi semua Ahli-ahli Yang Berhormat mesti ingat bahawa kami menggunakan perkataan ini dalam konteks perundangan seperti di mahkamah dan perkataan-perkataan tertentu tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek dalam Akta yang dibentangkan ini yang mungkin boleh menarik perhatian mereka sendiri ialah aspek pemulihan. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri berkenaan mengenai kadar kemajuan untuk memulihkan wanita-wanita dan gadis itu bukan hanya dengan membolehkan mereka untuk mendapat suatu kemahiran tertentu supaya mereka boleh kerja, mencari makan sendiri sahaja, tetapi dari segi penghormatan diri, self-respect, dengan izin, dengan keyakinan dalam diri mereka yang telah dirampas, dikongkong oleh anasir-anasir yang jahat semasa wanita ini belum dibebaskan oleh pihak Kerajaan dan kadar pencapaian adalah amat penting untuk kita mengkaji semula dari semasa ke semasa supaya kita boleh membetulkan kelemahan yang ada, kalau ada.

Saya juga ingin tahu apakah jenis kaunseling yang ada di pusat perlindungan ini, latihan vokasional, kalau ada, berapa jenis, apakah jenis. Dari sejumlah 10 wanita yang telah dimasukkan ke dalam pusat perlindungan, berapa orang telah memulakan penghidupan baru dengan kebebasan, dengan sedikit kewibawaan, kalau ada.

Kalau saya boleh digress sedikit, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memperluaskan perbincangan saya, walaupun Akta ini amat dialu-alukan, tetapi masanya telah tiba supaya negara kita menimbangkan langkah untuk meluluskan suatu Akta di Dewan yang mulia ini serupa Women’s Charter yang diadakan di negeri Singapura di mana garis panduan telah diadakan untuk undang-undang baru dirumus, dilulus, diikuti mengenai perlindungan hak-hak asasi kaum wanita sahaja.

Saya ingin mengucapkan syabas kepada pertubuhan-pertubuhan wanita dan wanita di negara kita.

Contohnya NCWO (National Council of Women's Organisations) kerana mereka telah dengan mengadakan beberapa seminar pada sepanjang dua tahun lepas telah berjaya untuk meninggikan kesedaran ke atas masalah yang dihadapi oleh kaum wanita. Walaupun saya bukan seorang wanita—seorang lelaki, tetapi tak ada apa peruntukan yang boleh mengharamkan saya membuat ucapan ke atas masalah ini.

Saya ucapkan syabas kepada mereka dan saya pun mendapati daripada mereka bahawa semua undang-undang yang ada kaitan dengan masalah wanita, khususnya Penal Code 375 terhadap kes-kes rogol harus dipulihkan (revamped) oleh kerana undang-undang tertentu, undang-undang substantive dan procedural tidak adil kepada kaum wanita sehingga seorang hakim di Mahkamah Tinggi Malaysia, Y.A. Tuan Mustapha Hussein telah mengeluarkan satu kenyataan di Mahkamah Tinggi bahawa undang-undang rogol yang ada sekarang memberi lebih faedah kepada orang yang merogol dan bukan kepada mangsa rogol itu dan masanya telah tiba untuk kita semua menimbang kemungkinan untuk merumuskan satu Akta yang baru ataupun Sexual Offences Act supaya semua kelemahan itu boleh diperbetulkan.

Contohnya satu Akta yang baru, namanya Domestic Violence Act untuk menghapuskan ataupun mengelakkan ataupun mengawal kes-kes kekerasan domestic, di mana isteri-isteri selalu dipupuh dan disalahgunakan oleh lelaki. Saya tak dengar begitu banyak isteri yang sangat garang yang memupuh suami mereka. Dengan ini mungkin semua Akta-akta ini boleh dipertimbangkan sekali gus di bawah satu perundangan baru iaitu Women's Charter supaya nasihat-nasihat ataupun pandangan-pandangan daripada semua golongan yang dipengaruhi, khususnya NCWO

dan sebagainya boleh didapati untuk membuka satu era yang baru di Malaysia di mana kaum wanita dapat menikmati perlindungan sebagai hak sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Tebrau.

5.27 *ptg.*

Puan Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian membahaskan dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986.

Kita sedia maklum bahawa Akta Perlindungan Wanita dan Gadis adalah suatu Akta yang bertujuan memberi perlindungan dan pemulihan, khasnya kepada perempuan yang berumur di bawah 21 tahun.

Setelah 13 tahun berkuatkuasa, memang Akta ini memerlukan beberapa pindaan kepadanya untuk menyesuaikan peruntukan-peruntukan di dalamnya kepada keadaan semasa dan juga untuk mengemaskinikan undang-undang yang sedia ada supaya dapat mengawal dengan lebih berkesan amalan maksiat di negara ini serta memberi perlindungan yang lebih sesuai dan pemulihan yang lebih berkesan kepada wanita dan gadis.

Kita semua mengetahui bahawa dengan keadaan ekonomi yang merosot sekarang ramai gadis-gadis yang telah dibuang kerja dan sedang menganggur. Ramai gadis-gadis ini dari luar bandar atau dari bandar-bandar kecil berhijrah ke bandar-bandar besar untuk mencari pekerjaan, tetapi malangnya sekarang pekerjaan bukan begitu senang hendak didapati.

Antara mereka ada yang bernasib baik mendapat pekerjaan dengan

majikan-majikan yang bertanggungjawab, tetapi ada juga mereka yang tidak berjaya mendapat kerja yang sah dan selamat dan oleh kerana mereka ini masih mentah dan mudah dipengaruhi ataupun oleh sebab kesempitan wang, mereka senang masuk perangkap majikan-majikan yang tidak diingini. Mereka telah diperdayakan dan dijadikan alat oleh orang-orang yang tidak berperikemanusiaan sehinggalah mereka terjerumus ke dalam bidang maksiat.

Majikan-majikan yang saya maksudkan di sini adalah tempat-tempat yang sah dan berlesen tetapi tidak menjalankan kegiatan yang sah keseluruhannya. Tempat-tempat ini mengamalkan berbagai bentuk maksiat dalam rahsia dan berselindung di sebalik satu tempat atau perniagaan yang sah dan berlesen. Kegiatan-kegiatan maksiat ini dijalankan secara halus dan mereka yang menjalankannya dapat mengelakkan daripada sebarang tindakan undang-undang yang sedia ada dalam menghapuskan kegiatan maksiat.

Tempat-tempat yang dimaksudkan di sini yang telah tumbuh di negara kita ialah seperti, dengan izin, social escort agency, massage palour, girle bar dan sebagainya. Amalan maksiat seperti ini perlulah kita hapuskan. Kearah pencapaian matlamat ini, saya berpendapat majikan-majikan yang menjalankan kegiatan maksiat perlu dikawal dengan lebih rapi dan dengan itu saya menyeru supaya Kerajaan mengadakan peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang yang sedia ada supaya tindakan yang tegas dapat diambil dan hukuman yang berat dapat diberi terhadap mereka yang menjalankan kegiatan maksiat secara halus. Orang-orang yang menggunakan pergolakan sosial yang berlaku di negara kita untuk faedah diri mereka sendiri dengan cara-cara yang hina sepatutnya didakwa ke

mahkamah dan dihukum dengan sewajarnya.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis walaupun sedikit sahaja akan mendatangkan beberapa kesan yang baik. Mereka iaitu wanita dan gadis yang tempoh tahanannya telah ditetapkan oleh mahkamah selama 3 tahun, memang sepatutnya tinggal di tempat itu sehingga 3 tahun telah luput supaya dengan bimbingan dan ajaran yang baik yang diberi semasa usaha pemulihan dijalankan mereka akan menukar fikiran dan sikap mereka. Dalam hal ini juga saya ingin mengesyorkan bahawa suatu tempat perlindungan khas untuk gadis-gadis Islam disediakan supaya mereka yang ditahan dapat diberi ajaran Islam dan beramalkannya semoga dengan ajaran dan didikan agama, mereka dengan sendirinya akan mengetahui kesalahan yang mereka telah lakukan dan jadi orang-orang yang baik dan bertanggungjawab.

Gadis-gadis ini yang masih mentah dan kurang matang dari segi pemikirannya telah menjadi mangsa atas alasan-alasan yang mereka akan mendapat beberapa kesenangan. Pihak Kerajaan haruslah berusaha untuk membimbing mereka balik ke jalan yang benar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan kepada Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bakri.

5.32 ptg.

Tuan Chua Jui Meng (Bakri): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan membahaskan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini yang dinamakan Akta Perlindungan Wanita

dan Gadis (Pindaan) 1986 bertujuan untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Maksud dan matlamat Akta 1973 begitu baik sekali iaitu untuk melindungi wanita dan gadis yang belum berusia 21 tahun atau yang belum berkahwin telah dianiayai atau dicuainya oleh orang yang tidak berperikemanusiaan memaksa atau menggalakkan dia menjadi seorang pelacur atau digunakan dengan maksud bahaya akhlak.

Di bawah Akta 1973 seorang perempuan yang belum berumur 21 tahun atau belum berkahwin, boleh ditahan di satu tempat perlindungan dalam masa 20 jam selepas ditangkap, mesti dihadapkan kepada seorang Majistret yang mempunyai kuasa dan membuat tindakan yang sewajarnya, boleh memerintahkan seorang wanita ditahan selama satu bulan di tempat perlindungan untuk disiasat.

Seorang Pegawai Kebajikan akan membuat laporan kepada Majistret seterusnya perempuan itu boleh diperintahkan oleh Majistret untuk ditahan di Pusat Perlindungan sehingga 3 tahun. Justeru itu seorang perempuan boleh hilang hak kebebasannya selama satu hari, satu bulan dan tiga tahun. Sebab itu jelaslah menunjukkan bahawa Akta yang ada boleh mengakibatkan beberapa implikasi kepada wanita di negara ini.

Keadaan bagaimana yang membolehkan seorang wanita itu ditahan. Di bawah Seksyen 7 Akta 1973 seorang wanita boleh ditahan, kalau dia dilatih atau digunakan untuk pelacuran atau sesuatu maksud lucuh, atau tinggal di rumah sundal, atau bersama-sama barua atau broker.

Di bawah Seksyen 8 wanita boleh ditahan kalau Majistret mempercayai perempuan itu dianiayai atau dicuainya dan didedahkan kepada bahaya akhlak. Mengikut fahaman

saya, makna dianiayai dan dicuainya membawa erti dipukul, diikat, diculik serta diberi dadah tanpa diberi makan minum dan perbuatan yang seumpamanya untuk memaksa perempuan itu menjadi pelacur.

Tuan Yang di-Pertua, on the lighter vein, dengan izin, kedua-dua Seksyen ini hanya memberi perlindungan kepada wanita sahaja, tetapi tidak kepada lelaki. Mungkin juga Menteri Kebajikan Masyarakat akan menimbangkan sesuatu undang-undang melindungi lelaki pula. Tujuan Kerajaan tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menghapuskan pelacuran. Kalau tidak ada pelanggan lelaki, masakan perempuan menjadi pelacur? Tetapi adakah pelacuran dapat dihapuskan, kerana telah menjadi resam dunia sebagaimana kata orang-orang tua Melayu:

“Pohon petola di Tanjong Jati,

Ditebang Encik Mahmud dibawa pulang,

Kerana gula semut mati,

Kerana semut gula terbuang.

Pantun ini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, di dunia ini dipenuhi dengan gula, oleh itu kaum lelaki haruslah dilindungi juga.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lebih seriusnya di bawah Seksyen 7 dan 8 Akta 1973 bila sahaja seorang wanita mencapai umur 21 tahun, dia tidak boleh ditahan dan tidak boleh dilindungi seterusnya, harus dibebaskan. Ini yang menjadi masalah kepada wanita itu. Setelah dibebaskan, kemungkinannya pula akan jatuh ke tangan barua yang akan menganiayainya. Kini, Akta pindaan matlamatnya adalah menambah kuasa kepada mahkamah untuk membuat sesuatu perintah bagi seorang perempuan untuk ditahan di satu tempat perlindungan, walaupun dia telah mencapai umur 21 tahun ataupun dia telah berkahwin, jika

pada masa pemindahannya itu ke tempat perlindungan sebelum perbicaraan mahkamah dia di bawah umur 21 tahun atau belum kahwin. Maksud itu baik dan patut disokong, sebab untuk memastikan bahawa program pemulihan itu tidak terhenti separuh jalan. Ini akan menjejaskan kesannya. Tambahan pula akan mengelakkan penipuan perkahwinan oleh suami-suami atau ibubapa-ibubapa yang tidak berperikemanusiaan dan dengan alasan ini sepatutnya pindaan ini mendapat sokongan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Walau bagaimanapun diharap Pegawai Polis dan Pegawai Kebajikan Masyarakat hendaklah berhati-hati ketika menjalankan tugas supaya jangan menyalahgunakan kuasa yang diberikan oleh Akta 1973. Misalnya kes-kes di mana perempuan yang terlibat sebagai pelacur, pegawai-pegawai berkenaan boleh menahan perempuan tersebut. Itu memang jelas. Tetapi bagaimana dengan perempuan yang tidak terlibat dalam kegiatan pelacuran, tetapi didakwa dia dilatih atau digunakan atau untuk sesuatu maksud lucah atau terdedah kepada bahaya akhlak. Ini kita menghadapi masalah pentafsiran terhadap apakah kelakuan yang dikatakan kelucahan atau pendedahan kepada bahaya akhlak. Jika seorang perempuan tidak bersalah tetapi dia ditahan, besar kemungkinannya dia akan mengalami kesan-kesan tekanan jiwa. Pegawai-pegawai yang berlainan dari berbagai bangsa dan agama dari Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, mungkin dan telah membuat analisa yang berlainan dalam soal ini.

Memberi pengertian yang berlainan.

Untuk menjelaskan keadaan yang sebenar dalam soal ini saya ingin mengemukakan tiga kes yang benar di mana ada kaitannya dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kes pertama berlaku di mana enam orang gadis Cina di Muar ditangkap oleh pihak Polis dan ditahan serta bermalam di Balai Polis sebelum dihadapkan kepada Majistret. Pada pagi esoknya saya terpaksa bersama-sama di hadapan Majistret. Kesnya di mana 5 orang pekerja sebagai tukang gunting rambut lelaki, sementara seorang lagi sebagai juruwang. Tidak ada bukti yang menunjukkan mereka telah dianiayai, hanyalah dengan kerelaan hati mereka sendiri.

Soalannya, mengapa mereka ditangkap? Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat menuduh perempuan tersebut terdedah kepada bahaya akhlak. Adakah bekerja sebagai tukang gunting rambut lelaki dikatakan perbuatan mendedahkan bahaya akhlak. Rasanya kita boleh fikir sendiri dengan bijak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan intervensi saya, gadis-gadis itu dibebaskan, kerana tidak ada bukti yang nyata. Apa akan terjadi kepada gadis-gadis ini jika tidak diintervensi saya sebagai seorang peguam. Besar kemungkinannya mereka ditahan di rumah perlindungan. Perlu diingat, perempuan-perempuan yang bekerja di kedai gunting rambut datangnya dari keluarga yang miskin dan tidak berpelajaran tinggi. Kerap kali perempuan ini tidak mampu untuk mengambil peguam.

Tuan Yang di-Pertua, kes kedua pula berlaku di Muar pada tahun ini di mana 3 gadis tukang gunting rambut lelaki ditahan oleh Polis di Balai Polis. Kes kedua ini samalah juga dengan kes pertama. Dengan intervensi saya, gadis-gadis tersebut dibebaskan oleh Majistret. Kes ketiga pula berlaku di Johor Bahru di mana beberapa orang wanita telah ditangkap oleh pihak Polis di music lounge di sebuah kompleks. Melalui seorang rakannya salah seorang daripada mereka berjumpa saya. Perempuan yang

ditangkap itu sedang minum arak bersama-sama beberapa teman lelaki. Mereka semuanya ditahan di Balai Polis Johor Bahru. Adakah perbuatan minum arak bersama-sama rakan di music lounge boleh ditahan di bawah Akta 1973?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya kemukakan kes hypothetical pula di mana seorang perempuan bekerja sebagai seorang tukang urut lelaki di sebuah rumah urut. Adakah perbuatan ini dinamakan menjualkan maruahnya sehingga perempuan ini ditangkap oleh Polis dan hilang pula hak kebebasannya. Bagaimana fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berhubung dengan kes ini. Adakah patut atau tidak mengundi untuk mencari kebenarannya. Pada pendapat saya pekerjaan seorang wanita sebagai tukang urut tanpa menjualkan maruahnya tidak patut ditahan di bawah kuasa Akta 1973. Apa yang diharapkan kepada Menteri Kebajikan Masyarakat dan juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri supaya membuat garis panduan, apakah sebenarnya yang dikatakan lucah dan mana yang dikatakan sebaliknya. Maksud Akta ini semata-mata untuk melindungi dan bukan untuk menyusahkan atau menindas gadis dan wanita. Kita jangan menyalahgunakan kuasa Akta ini. Tambahan pula bila wanita tersebut mula ditangkap oleh pihak Polis, sepatutnya jangan ditahan sebagai seorang penjahat di Balai Polis. Mereka hendaklah ditahan di sebuah rumah perlindungan yang ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pemerhatian tersebut, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1986, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.44 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian secara yang ringkas sahaja bagi membahaskan sebuah Rang Undang-undang yang bernama Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

Pada hemat saya, Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat telah melakukan suatu kerja yang sememangnya dituntut oleh agama Islam, bukan sahaja di atas kepentingan agama, tetapi juga kepentingan masyarakat dan negara kita. Maka sesungguhnya percubaan meminda sebuah Akta Perlindungan Wanita ini, sudah tentu pada pandangan saya akan memberi pahala yang besar. Tetapi sebaliknya sesudah Akta ini diluluskan dan dilaksanakan, jika ianya tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya, maka saya percaya hendak kata, dosa yang besar akan dipikul itu, wallahualam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa perkara bersabit dengan masalah perlindungan kepada Wanita dan Gadis. Masalah perlindungan kepada wanita pada pandangan saya sudah menjadi satu isu nasional, kerana negara kita sekarang ini, walaupun selain dikenal sebagai sebuah negara yang cantik dari segi pemandangannya, indah dan sebagainya, yang kini menjadi tumpuan para pelancong, tetapi sudah kedengaran dan sudah ada tulisan-tulisan yang mungkin merupakan suatu tohmah dan fitnah yang cuba hendak memburukkan negara kita, bahawa Malaysia kini juga merupakan pusat pelacuran, Tuan Yang di-Pertua. Malah sudah dibandingkan bahawa pusat pelacuran negara kita ini kononnya di Kuala Lumpur atau kota-kota besar sudah sama dengan negara-negara lain, malah kadang-kadang diletakkan setaraf dengan New York ataupun Manila dan sebagainya.

Kita hanya mengikuti perkembangan ini daripada rencana-rencana, dan berita akhbar-akhbar. Tetapi sukarlah bagi saya mengemukakan kes-kes seperti saudara-saudara Ahli Yang Berhormat yang lain-lain, sebab mengemukakan kes-kes yang terlalu banyak, seolah-olah menggambarkan kita turut sama dalam kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan. Oleh itu, kes-kes yang kita kemukakan berdasar kepada laporan-laporan yang kita dapat daripada akhbar-akhbar, daripada seminar-seminar ianya cukup membimbangkan. Tetapi dalam melaksanakan proses undang-undang ini, bagi membersihkan negara kita daripada dimasuk dalam senarai yang juga mempunyai pusat-pusat maksiat terutamanya gadis-gadis yang kurang daripada 20 tahun, apa yang disebut agak kurang jelas, sebagaimana yang disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, bukan sahaja sepanjang kita bincangkan Akta ini, seperti contoh kita mengatakan bahawa kita mahu supaya pelacuran ini dapat dihapuskan, tetapi pada masa yang sama juga kita mengatakan kebudayaan rock itu mesti dibenarkan demi kebebasan dan sebagainya. Kadang-kadang sikap inilah yang merumitkan kita melaksanakan undang-undang. Satu ketika kita mengatakan kita menentang gejala rasuah sebagai contoh, tetapi ada orang yang menjadi juara bagi mempertahankan golongan yang melakukan rasuah. Orang-orang ini jarang-jarang, kalau kita lihat, adalah kadang-kadang orang-orang yang sama. Inilah yang saya bimbang dengan Akta ini.

Saya cukup mengalu-alukan Akta ini, sebab bagi saya, suatu kerja yang terlalu amat dituntut dan satu kerja yang amat mustahak, kerana kita lihat sekarang ini, sudah ramai anak-anak gadis kita terjurumus ke lurah pelacuran. Ini tidak dapat kita nafikan lagi. Pusat-pusat rumah urut yang

disebutkan oleh seorang dua Ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi, sekarang ini tumbuh seperti cendawan. Maka sebab itulah saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat selepas ini supaya menjalankan operasi besar-besaran bagi membersihkan kota raya kita terutama lebih-lebih lagi wanita-wanita yang berumur kurang daripada 21 tahun. Tetapi cara kita hendak menjalankan operasi tadi pula menimbulkan masalah.

Pernah berlaku di Kelantan satu kes, ini saya baca dalam suratkhbar, bahawa pencegah maksiat ditangkap oleh seorang pencegah maksiat yang lain. Tuan Yang di-Pertua, pernah berlaku—maksudnya seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Bakri tadi, saya bersetuju, kalau tidak pula kena gaya nanti Akta ini, yang anianya nanti gadis-gadis yang berumur 21 tahun yang ke bawah, yang cantik-cantik. Ini pun boleh jadi kacau. Walau bagaimanapun, saya percaya dengan tindakan yang teliti, penuh berhati-hati dan saya mengesyorkan juga pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat supaya mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak Pusat Islam dan juga pihak-pihak yang mengetahui selok-belok dengan lebih mendalam bukan sahaja dari segi sudut moral ataupun undang-undang semata-mata, tetapi dari segi sudut agama dan sebagainya supaya pelaksanaan kepada undang-undang ini dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Sementara itu proses pemulihan, saya bersetuju dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya berucap, iaitu bukan sahaja dari segi kita hendak memperbaiki moral gadis-gadis dan wanita-wanita yang dimaksudkan ini, tetapi juga yang lebih penting ialah dalam proses pemulihan itu, bukan sahaja kita dapat bentuk mereka ini dengan akhlak yang baik, tetapi juga mereka

dapat pulang ke pangkuan masyarakat sebagai suatu golongan yang boleh sama-sama membangunkan masyarakat dan negara kita.

Kita juga pernah dengar penagih-penagih dadah yang menerima pemulihan, sesudah pulang ke pangkuan masyarakat, akhirnya kembali menjadi penagih dadah semula. Walaupun tidak semua, ada beberapa kes, tetapi kita tidak mahu pusat-pusat perlindungan bagi pemulihan wanita ini turut terjadi ke arah yang demikian. Oleh itu, cara yang sebaik-baiknya dalam konsep pemulihan yang akan dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat, biarlah ianya mempunyai matlamat-matlamat bukan sahaja dari segi pendekatan ke arah pendidikan moral dan agama, kegiatan-kegiatan ekonomi, tetapi bimbingan sesudah mereka keluar daripada Pusat Pemulihan ini, jika tidak masalah-masalah yang kita bincangkan ini sukar kita atasi dan sukar kita hapuskan. Walaupun kita sudah lihat pada pandangan setengah pihak perkara ini tidak begitu penting, tetapi orientalis atau tokoh-tokoh sarjana barat yang satu ketika dahulu memuji-muji keagungan pembangunan barat dengan hebatnya teknologi dan sebagainya, tetapi mereka sekarang sudah mengakui keruntuhan negara-negara tersebut bermula daripada punca-punca keruntuhan akhlak seperti apa yang kita bincangkan pada hari ini. Oleh sebab itu kita harus ingat bagi kepentingan agama, bangsa, negara dan kepentingan tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Yang Berhormat Menteri sebagai pelaksana kepada undang-undang.

Kita percaya undang-undang ini bukan sahaja kita memberi sokongan penuh tetapi pelaksanaannya hendaklah dijalankan dengan sebaik mungkin, tegas dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.52 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana berpeluang untuk mengucapkan sepatah dua kata mengenai Rang Undang-undang yang telah dikemukakan pada petang ini.

Saya percaya sebagai orang baru, mungkin pandangan saya tidak begitu tepat dengan apa yang dikehendaki oleh Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun, untuk mengambil peluang sama dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dikemukakan ini, maka saya akan cuba untuk menyampaikan seberapa ringkas di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut pandangan saya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang ini tidak boleh diluluskan begitu sahaja tanpa mendapatkan pandangan terlebih dahulu dari sudut agama Islam dan adat-adat penduduk negara ini sepanjang yang tidak bercanggah dengan Islam.

Saya adalah berpegang teguh dengan mana-mana pihak yang berazam untuk memberikan perlindungan pada golongan wanita tanpa mengira umur mereka. Kaum wanita mesti diberi perlindungan kerana wanita itu diamanahkan kepada kita akan keselamatan dan kesejahteraannya. Bagaimanapun, kita harus mempunyai sikap yang jelas terhadap hak dan batas-batas yang hendak kita serahkan kepada wanita bagi memudahkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini menyebut dalam Fasal 4 (b) kira-kira wanita yang sudah berusia 21 tahun ke atas tidak tertakluk kepada penahanan bila dia dipindahkan ke tempat perlindungan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk membantah tetapi terdapat dalam perkiraan kita bahawa tempoh usia 21 tahun adalah bermulanya hidup bebas dan hidup bersendirian bagi wanita sekiranya itulah menjadi pilihannya. Perkiraan ini sebenarnya berlandaskan semangat undang-undang dan Perlembagaan bangsa-bangsa barat kerana cara hidup kita dan style undang-undang dan Perlembagaan kita adalah dipengaruhi oleh pemikiran barat. Kita mulai menjadikannya sebagai sebahagian daripada kebudayaan nampaknya.

Kita sedar, Tuan Yang di-Pertua, tradisi masyarakat barat yang situasi dan falsafah hidupnya dan alam sekitarnya berbeza dengan kita, belum dapat kita terima sebagai wajar bahawa had umur 21 tahun bagi membebaskan seseorang anak dan bagi melepaskan pula tanggungjawab ibu bapa atau penjaga kepada anak-anak.

Di Eropah dan di Amerika serta lain-lain negara Timur yang merasakan dirinya sudah menjadi barat memberi peruntukan bahawa belia lelaki dan perempuan tidaklah menjadi sebahagian dari tanggungjawab wajib bagi ibu bapa dan penjaga bila anak itu berusia 21 tahun.

Setiap anak muda menunggu detik genap 21 tahun, biasanya mereka mengadakan pesta harijadi yang istimewa untuk menyambut genap usia 21 tahun. Bagi gadis-gadis biasanya tidak lagi merayakan harijadi selepas usia itu. Ia merasa sebagai perisytiharan cukup dewasa. Itulah usia wajar berumahtangga dan

menjadi suatu yang silu kiranya harijadi diadakan dalam keadaan masih membujang. Masing-masing anak gadis membuat persediaan untuk meninggalkan ibu bapa ataupun penjaga bila selesai sahaja majlis harijadi, mereka akan mencari rumah lain sama ada disewa atau duduk dengan sesiapa yang mereka suka. Ibu bapa tidak boleh melarang sikap yang diambil oleh anak-anak sekiranya ibu bapa cuba hendak menyekat keputusan anaknya, maka anak itu boleh mendakwa mereka dan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang. Usia berdikari ini dipertahankan oleh masyarakat barat walaupun sebagai ibu bapa mereka sedih tinggal bersendirian dan pandangannya tidak lagi menjadi peraturan kepada anak-anak. Inilah dilemma ibu bapa di Barat.

Adakah kita sudah mengkaji masalah masyarakat di Barat antaranya diakibatkan oleh peraturan ini. Anak-anak yang belum berumahtangga meninggalkan ibu-bapa, mencari pekerjaan sendiri dan menjalani hidup sendiri, mereka boleh pergi dengan sesiapa dan boleh bermalam di mana-mana suka dan boleh hidup dengan sesiapa sahaja tanpa mengira kahwin ataupun tidak. Penyakit masyarakat seperti pelacuran, penceraihan, ramainya anak di luar nikah, hubungan jantina bebas, rumah urut, jenayah-jenayah yang berpunca dari mabuk dan kesumbangan kelab-kelab malam, disko, dadah dan sebagainya adalah perkara yang tidak dapat diubah.

Gejala hidup, "rock" dan angkatan rancak yang tidak mengenal susila adalah di antara yang berkembang sekarang termasuk dalam negara kita. Selain dari ianya mencabar peradaban Islam ia adalah menggugat peradaban Barat itu sendiri. Kekuatan orang-orang Eropah sebagai bangsa yang berkebudayaan dan bermaruah mulai runtuh, dan dunia zaman gua dan zaman batu berada di ambang pintu.

Mereka bukan tidak ada undang-undang. Mereka bukan tidak ada peraturan tetapi undang-undang dan peraturan itulah yang menghalang mereka dari menahan menularnya penyakit masyarakat itu.

Tuan Yang di-Pertua, belum pernah pemimpin-pemimpin kita mere-nungkan hal ini dari cara yang dilalui oleh peradaban Islam dan orang Timur. Kita pernah menghadapi kehidupan yang tenang dan bahagia walaupun wanita kita tidak semaju yang difikirkan mengikut kaca mata Barat. Islam menganjurkan bahawa had layak kahwin bagi seseorang wanita ialah cukup umur atau baligh. Ketentuan umurnya biasanya 16 tahun. Adat resam orang Melayu pula mengambil usia 18 tahun sebagai layak kahwin. Sekiranya antara mereka ada jodoh dibenarkan kahwin sebelum usia 21 tahun, tidak perlu tunggu 21 tahun kerana berbagai-bagai hal boleh terjadi menjelang 21 tahun itu. Orang Islam biasanya tidak menggalakkan anaknya meninggalkan rumah atau untuk hidup sendiri sebelum kahwin walaupun usianya sudah melebihi 21 tahun. Mereka digalakkan berumah sendiri sesudah berumahtangga. Tidak manis bagi mereka yang berumah tangga hidup bersama keluarga walaupun usianya masing-masing di bawah umur 21 tahun. Malah dalam hal-hal tertentu anak lelaki pun tidak digalakkan hidup berasingan sebelum berumah tangga walaupun usianya sudah tidak lagi melayakkan dia dipanggil belia. Malah dalam banyak hak perempuan yang bercerai tidak dikira manis hidup bersendirian. Wajar mereka tinggal hidup semula dengan penjaga sekalipun mereka mempunyai pekerjaan sendiri. Adalah wajar mereka menumpang bersama orang-orang yang layak menjadi penjaga. Demikian cara yang difikirkan bagi menghindarkan masing-masing dari menjadi mangsa fitnah. Pandangan Islam ini perlu sangat dijelaskan kepada umum

istimewa dalam masyarakat majmuk yang berbagai-bagai aliran fikiran dan fahaman ini kerana ketentuan umur dan sebagainya itu tidak dijelaskan, maka terdapat krisis bila had umur tidak diselesaikan.

Saya ingin menarik perhatian tentang kejadian wanita di bawah usia 18 tahun atau di bawah usia 21 tahun memeluk agama Islam setelah mendapat hidayah telah tidak begitu mudah untuk membuat pilihan sedangkan dalam Islam usia 16 tahun diterima sebagai usia yang diluluskan sebagai menjadi Islam. Perkara ini pernah berlaku dan selalu berlaku. Ini kerana peraturan tadi tidak jelas kerana sesuatu peraturan tidak sedia dirujuk kepada pandangan Islam dan krisis telah berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembahagian harta, Islam menentukan secara terperinci dalam Al-Quran tentang hak yang layak diuntukkan kepada wanita dan lelaki. Adalah tidak kena pandangan Islam ada peruntukan yang memberi harta penuh kepada anak perempuan dan menafikan hak anak lelaki. Bila ketentuan dari Allah ini tidak dihiraukan maka terimalah pembalasan dari Allah. Justeru itu, apakah kita hendak mendedahkan negara kita ini kepada kehidupan seperti di Barat yang membenarkan wanita memegang apa juga jawatan yang dibuat oleh lelaki. Memang benar wanita dibolehkan bekerja di luar rumah tetapi biarlah dalam keadaan terkawal sentiasa dalam perlindungan. Sebelum negara kita mengenal ruang kerja bagi kaum wanita di pejabat-pejabat wanita sudah bekerja di sawah-sawah dan di ladang-ladang untuk membantu suami ataupun ibubapa mencari nafkah. Kerja mengubah semaian padi misalnya adalah suatu yang lebih sesuai dibuat oleh wanita daripada lelaki. Tetapi membajak dan menajak adalah sesuai bagi lelaki. Demikianlah jururawat sesuai bagi wanita dan

mengangkat pesakit dan membawa mayat ke bilik mati adalah tugas yang sesuai bagi lelaki. Ada keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, wanita menjalankan kerja-kerja tertentu yang dibuat oleh lelaki tetapi ia adalah dalam keadaan tidak ada lagi orang lelaki untuk membuat kerja itu. Misalnya selagi bapa boleh menjadi bapa maka tidak ada ibu boleh menjadi bapa. Tanggungjawab menyara anak-anak hanya terserah kepada ibu sesudah tidak ada lagi bapa dan waris untuk mengambil peranan bapa. Di sinilah tiba masanya kita memikirkan untuk memberikan tugas besar seperti. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk sekejap! Ya, Yang Berhormat dari Marang ada apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa agak terbabas dan terkeluar daripada fasal-fasal.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti. Yang Berhormat daripada Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak minta penjelasan. Apa ada sangkutan dengan Fasal-fasal 2, 4, 5 dan 6. Saya nampak tidak ada sangkutan. Saya mohon penjelasan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya dijaga oleh Tuan Yang di-Pertua. Kalau ada silap, Tuan Yang di-Pertua boleh tegurkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Di sinilah tiba masanya kita

memikirkan untuk memberikan tugas besar seperti memandu traktor dan jentolak kepada wanita, menjadi pemandu kapal terbang dan sebagainya. Wanita mungkin tidak dilarang belajar membawa kapal terbang tetapi untuk menjadikan ia sebagai pekerjaan adalah suatu yang tidak sesuai kerana kerja itu kerja orang lelaki. Sedikit sebanyak dunia telah menerima hakikat wanita menjadi pramugari kapal terbang tidak dipilih dari orang yang sudah berumahtangga, meninggalkan suami dan anak-anak di rumah berhari-hari akan mendedahkan kepada berbagai masalah. Masalah itu bukan sahaja bagi orang yang ditinggalkan tetapi wanita yang keluar rumah itu sendiri pun terdedah kepada berbagai-bagai masalah.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sedikit pandangan yang dapat saya kemukakan kepada Dewan ini dalam membahaskan Rang Undang-undang ini kerana saya rasa tidak perlu saya bercakap lebih panjang kerana perkara ini disedari oleh semua pihak hanya yang saya harap kepada pihak Kerajaan sendiri supaya memandang lebih jauh mengenai tanggungjawab yang membawa kepada usaha kita memindakan Akta yang dibentangkan di hadapan kita pada petang ini.

Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

6.10 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, berdiri saya di sini adalah untuk turut menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973.

Tujuan utama Akta ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang

Berhormat tadi adalah untuk menolong kaum wanita dan gadis daripada bahaya keruntuhan moral dan akhlak yang ternyata pada hari ini semakin hari semakin mengugut.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan bahawa wanita-wanita dan gadis-gadis yang belum cukup umur dan ternyata bersalah dan ditangkap akan dihantar ke Taman-taman Sri Puteri yang dalam Malaysia hari ini kedapatan lima buah dengan hasrat dan matlamat untuk memulih wanita dan gadis yang rosak akhlak dan terdedah kepada bahaya moral.

Di sini saya difahamkan bahawa pelbagai pengajaran pendidikan yang melewati penjagaan perkhidmatan kaunseling diberikan kepada mereka. Soalnya apakah cukup hanya dengan menerima satu Taman Sri Puteri di Cheras, Selangor, satu Taman Sri Puteri di Rembau, Negeri Sembilan, satu Taman Sri Puteri di Batu Gajah, Perak, satu Taman Sri Puteri di Kota Kinabalu, Sabah, dan satu Taman Sri Puteri di Miri Sarawak. Apakah cukup untuk menampung sebahagian besar gadis-gadis serta wanita-wanita yang dikatakan rosak akhlak dan juga terdedah kepada bahaya moral.

Saya turut membahaskan Rang Undang-undang ini agar Taman-taman yang sedemikian rupa turut diperbesarkan ataupun diperbanyakkan di lain-lain negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan beberapa perkara.

- (1) Tentang umur.
- (2) Tentang perkahwinan.
- (3) Tentang seliaan lanjutan.
- (4) Tentang keluar tanpa kebenaran dari tempat perlindungan.

Sukacitalah saya menyatakan bahawa had umur yang diberi iaitu 21

tahun, mereka ini kalau 21 tahun ke atas tidak boleh ditahan. Soalnya sekarang orang yang membuat dosa, gadis yang melakukan maksiat, lazimnya tanpa mengira umur. Jadi kita menyokong Rang Undang-undang ini agar mana-mana gadis atau wanita yang ternyata bersalah baik dari segi kelakuan, moral ataupun ethic kedudukan sebagai seorang wanita turut juga ditahan walaupun mereka melewati umur. Kita juga menyokong bahawa mana-mana gadis yang melewati umur 18 tahun, 19 tahun atau 20 tahun tetapi apabila ditahan yang memakan masa tiga tahun kadang-kadang mereka ini tidak sampai ditahan tiga tahun, hanya kadang-kadang enam bulan, ada satu tahun, ada dua tahun kerana ketika itu mereka telah mencapai umur 21 tahun. Inipun kita minta dilanjutkan walaupun mereka telah masuk kepada 22 tahun atau 23 tahun dengan tujuan untuk memberi pengajaran pendidikan yang lebih luas dan berkesan kepada mereka.

Begitu juga perkara yang kedua mengenai dengan pernikahan. Ramai di kalangan gadis, ramai di kalangan wanita hari ini yang menggunakan surat nikah untuk melacurkan diri dan juga melakukan persundalan. Maka surat nikah yang ditauliahkan, yang disaksikan oleh Malaikat itu sendiri telah disalahgunakan. Jadi kita minta barang sesiapa gadis atau wanita yang ternyata melakukan persundalan, melakukan pelacuran tetapi sudah nikah pun turut diambil tindakan, bukan semacam Akta 1973 yang tidak membenarkan sebarang kuasa termasuk kuasa mahkamah untuk menahan mana-mana gadis yang telah dinikahkan.

Hari ini di merata tempat terutama di hotel-hotel atau di pusat-pusat gerakan "health centre" ataupun sebagainya, wanita ibu gadis pelacur tidak ditahan kerana dikatakan mempunyai surat nikah dan ada

suami. Jadi kita tidak mahu surat nikah dijadikan alat ataupun diperalatkan bagi melakukan maksiat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah pada hari ini menarik perhatian Dewan untuk memperlihatkan sejumlah perangkaan mengenai dengan bilangan perempuan yang dimasukkan ke Taman Sri Puteri bagi jangka masa tahun 1981 sehingga 1985. Yang pertama mengenai dengan orang Melayu:

Tahun	Jumlah Orang Melayu	Peratus
1981 ..	148 orang	40.7%
1982 ..	150 orang	40.2%
1983 ..	116 orang	29.6%
1984 ..	125 orang	27.0%
1985 ..	102 orang	23.7%

Tahun	Jumlah Orang Cina	Peratus
1981 ..	179 orang	49.3%
1982 ..	193 orang	51.7%
1983 ..	235 orang	59.9%
1984 ..	311 orang	68.0%
1985 ..	310 orang	72.1%

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, boleh ringkaskan. Saya beri dua minit lagi, kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Jadi kalau dibuat perbandingan dari Jadual yang telah dinyatakan itu, (saya tidak sempat hendak baca orang India dan juga yang lain-lain) ternyata bilangan perempuan Melayu yang dimasukkan ke Taman Sri Puteri adalah menurun jika dibandingkan dengan tahun 1981 iaitu seramai 148 orang, manakala bagi tahun 1985 seramai 102 orang. Bagi kaum Cina

bilangannya bertambah dari 179 tahun 1981 meningkat kepada 310 orang tahun 1985.

Selain dari itu juga adalah didapati bilangan perempuan India telah juga menurun bilangannya.

Persoalannya sekarang adakah pertambahan ini disebabkan oleh wujudnya lesen-lesen rumah urut yang semakin bertambah dan kedua, kenapa dan mengapa pertambahan kaum Cina dalam soal ini begitu nyata sedangkan bagi orang Melayu dan India begitu menurun. Adakah kerana sekatan agama atau adakah kerana ianya dibiarkan begitu sahaja (atau perkara yang sangat penting kita bincangkan pada hari ini) atau adakah kerana Akta yang kita laksanakan itu tidak kuat? Saya juga ingin membandingkan antara kes-kes moral yang nyata semenjak tahun 1981 hingga 1985; kes-kes moral ini melibatkan antara lain:

- (1) Pelacuran.
- (2) Terdedah kepada bahaya moral.
- (3) Tidak terkawal.
- (4) Permohonan sendiri.
- (5) Diperolehi secara palsu.

Dari apa yang saya jelaskan ini, kita dapati kes-kes ini semakin hari semakin meningkat dan meningkatnya perempuan serta gadis yang ditangkap ialah pada tahun 1985 orang-orang Melayu yang terlibat dalam pelacuran 52 orang, orang Cina 240 orang, India 4 orang, lain-lain 5 orang, jumlahnya 301 orang. Ini pelacur sahaja.

Dadah, orang Melayu 25 orang, Cina 64 orang, India 1 orang, lain-lain 0, jumlahnya 90 orang.

Apa yang saya hendak timbulkan di sini bahawa ternyata sekali kes pelacuran dan dadah yang melibatkan akhlak begitu ternyata. Jadi yang hendak saya maksudkan di sini iaitu sekiranya kes-kes pelacuran mendapat

tempat yang paling tinggi jika dibandingkan dengan hal-hal yang lain apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasinya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila habiskan ucapan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini saya kira perlulah diberikan perhatian terutama terhadap aspek-aspek dan tempat-tempat yang diberi lesen yang tidak baik untuk diperkatakan. Jadi saya kira aspek-aspek yang saya tekankan itu tadi seharusnya melibatkan Akta atau Rang Undang-undang untuk dikuatkuasakan. Dengan ini saya turut menyokong agar Rang Undang-undang Pindaan ini iaitu mengenai Perlindungan Wanita dan Gadis, disokong dengan sepenuhnya agar aspek-aspek penglibatan wanita dalam kerosakan moral dan akhlak dapat dikurangkan, walaupun tidak dapat dihapuskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.19 ptg.

Dato' Shahrir bin Abdul Samad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan kepada Akta Perlindungan Wanita dan Gadis dan yang telah memberi hujah yang begitu membina serta dapat membantu pihak Kementerian dan Kerajaan untuk menjalankan tanggungjawab terhadap golongan wanita dan gadis yang memerlukan perlindungan dan pemulihan akibat daripada masalah yang mereka terdedah atau didedahkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bertujuan untuk mengambil masa yang panjang dengan cara untuk menjawab kepada semua perkara-perkara yang telah ditimbulkan, tetapi izinkan saya menegaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kalaulah sekiranya negara kita ini terlalu sangat berpandukan kepada cara hidup atau tamadun barat yang mana menekankan kepada umur 21 tahun itu sebagai garis kebebasan kepada semua manusia.

Kalaulah negara kita begitu terpengaruh dengan falsafah Barat, saya rasa pindaan seperti ini tidak akan dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Oleh itu biarlah dengan syarahan-syarahan yang bertujuan kononnya mencuba untuk menunjukkan kesalahan kepada kita dan kepada negara ini, tinggal sebagai pandangan-pandangan kosong yang hanya bertujuan untuk menekankan kepada aspek-aspek yang sentiasa menjadi laungan pihak-pihak tertentu sahaja.

Suka saya menyatakan bahawa dari segi soal-soal yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching yang telah bertanya tentang kejayaan selepas pemulihan ataupun perlindungan kepada mereka yang telah terlibat, yang telah dibawa ke rumah-rumah perlindungan, daripada kajian yang telah kita lakukan di Kementerian Kebajikan Masyarakat, kita dapati bahawa umpamanya dalam tahun 1978—satu kajian telah dibuat dalam tahun 1978—kadar kejayaan daripada mereka yang telah dimasukkan ke rumah-rumah perlindungan ini ialah sebanyak 69% bagi tempoh 5-10 tahun, selepas mereka dibebaskan daripada pusat-pusat pemulihan.

Dari segi Kaunseling pula, memang mereka diberikan peluang kaunseling secara teratur. Setiap gadis itu diberikan formal counselling sekurang-kurangnya tiga kali dalam

sebulan dan pegawai-pegawai yang bertugas di pusat-pusat pemulihan ini memanglah pegawai terlatih dari segi memberi kaunseling.

Dari segi jenis latihan yang diberikan dalam pusat-pusat pemulihan ini, izinkan saya menyatakan bahawa bukan semua orang itu terdiri daripada mereka yang bernasib baik, malahan ada di antara mereka yang buta huruf dan bagi golongan ini memang diberi pendidikan untuk mereka dapat pula menguasai bahasa dan dapat membaca serta mengira dan sebagainya, supaya dapatlah mereka meneruskan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Bagi mereka yang boleh meneruskan pelajaran akademik, mereka digalakkan untuk berbuat demikian dan selain daripada itu pula ada peluang-peluang untuk latihan vokasional yang diberikan kepada gadis-gadis yang terlibat yang berada di pusat-pusat pemulihan ini.

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa ketika pindaan kepada Akta ini dibincangkan di peringkat Kerajaan, setiap peruntukan yang telah didapati di dalam pindaan ini, pertamanya telah dirujuk kepada Pusat Islam dan juga kepada Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara. Sebenarnya peranan dan sumbangan Pusat Islam terhadap pindaan ini telah menjadi panduan kepada kita untuk menentukan supaya peruntukan-peruntukan yang sesuai dengan agama Islam akan terdapat di dalam Undang-undang ini.

Tambahan pula di dalam peringkat pemulihan bagi gadis-gadis tersebut di pusat-pusat pemulihan ini juga ditekankan, bimbingan dan pendidikan agama di mana kurikulum pengajaran agama yang hendak disampaikan kepada penghuni-

penghuni pusat-pusat pemulihan ini dirundingkan juga dengan Pusat Islam dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya menentukan bahawa bimbingan itu akan memberi manfaat yang sebaik-baiknya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada ingatan-ingatan yang telah disampaikan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pindaan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA LETRIK SABAH
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Letrik Sabah, 1983 dan mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda seksyen-seksyen 19 dan 47 Akta Lembaga Letrik Sabah, 1983 supaya perbekalan dalam Akta itu dapat diperkembangkan lagi.

Seksyen 19 Akta Lembaga Letrik Sabah, 1983 adalah mengenai penyimpanan meteri atau dengan izin, "seal" Lembaga oleh Pengerusi Lembaga.

Seksyen 47 pula adalah mengenai pengenaan cagaran atau lain-lain yang diperlukan sebelum Lembaga Letrik Sabah dapat membuat pinjaman dari mana-mana institusi kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, dengan persetujuan kedua-dua pihak iaitu

Kerajaan Persekutuan dan Negeri Lembaga Elektrik Sabah telah pun menjadi sebuah perbadanan Persekutuan pada 1hb Januari, 1984. Sebagai sebuah perbadanan awam, tugas-tugas pemasangan dan pembekalan letrik yang dikendalikan oleh Lembaga Letrik Sabah adalah dikawal oleh peruntukan yang terdapat di dalam Aktanya. Akta Lembaga Letrik Sabah, 1983 sebenarnya telah digubal berasaskan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada dalam Ordinan Lembaga Letrik Sabah, 1981 dengan sedikit penyesuaian dibuat ke atas beberapa peruntukan tertentu untuk disesuaikan dengan perubahan taraf Lembaga Letrik Sabah sebagai sebuah perbadanan Persekutuan apabila Akta Lembaga Letrik Sabah dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kedudukan ini, tidaklah dapat dinafikan bahawa terdapatnya beberapa kelemahan tertentu dalam Akta berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk. Ahli Yang Berhormat boleh sambung pada hari yang lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 4.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.